

2

TINJAUAN EKONOMI GLOBAL

- Perspektif Keseluruhan
- Ekonomi Global

Rencana 2.1 – Memanfaatkan Pembiayaan Projek daripada Jawatankuasa Tetap Kerjasama Ekonomi dan Perdagangan

Sisipan 2.1 – Manfaat Keanggotaan Malaysia dalam Bank Pembangunan Pelbagai Hala

Sisipan 2.2 – Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik

- Kesimpulan
- Rujukan

2 | TINJAUAN EKONOMI GLOBAL

Perspektif Keseluruhan

Ekonomi global dijangka berkembang 3.2% pada 2019 disokong oleh pertumbuhan ekonomi di beberapa negara utama dalam kalangan negara maju. Pertumbuhan ini diunjur meningkat 3.5% pada 2020. Pertumbuhan pada 2020 dijangka disokong oleh prestasi lebih baik KDNK negara yang berkembang pesat dan negara membangun (EMDE).

Dalam kalangan negara maju pula, pertumbuhan ekonomi diunjur lebih perlahan daripada 1.9% pada 2019 kepada 1.7% pada 2020. Ekonomi AS dijangka mencatat pertumbuhan kukuh pada 2019. Walau bagaimanapun, ekonomi dijangka berkembang perlahan pada 2020 berikutan kesan rangsangan fiskal yang semakin berkurangan serta dasar perlindungan perdagangan yang berterusan. Pertumbuhan ekonomi kawasan euro dijangka menyederhana pada 2019 berikutan pengeluaran perindustrian dan keyakinan perniagaan yang lebih lemah dalam persekitaran permintaan luaran yang lebih rendah. Ekonomi kawasan euro diunjur bertambah baik pada 2020 berikutan aktiviti perindustrian yang kembali meningkat. Ketidaktentuan akibat Brexit memberi kesan secara berterusan kepada keyakinan perniagaan dan permintaan domestik di UK. Walau bagaimanapun, pertumbuhan ekonomi pada 2020 dijangka stabil selepas Brexit pada 31 Oktober 2019. Pertumbuhan ekonomi Jepun pada 2019 diunjur meningkat secara marginal, disokong oleh penggunaan swasta dan pelaburan. Pada 2020, ekonomi Jepun dijangka menyederhana akibat kenaikan cukai penggunaan dan eksport yang lembap.

Ekonomi EMDE diunjur berkembang perlahan 4.1% pada 2019, sebahagian besarnya disebabkan oleh permintaan luaran dan pelaburan yang berkurangan berikutan kesan kenaikan tarif. Walau bagaimanapun, pertumbuhan ekonomi dijangka meningkat 4.7% pada 2020 berikutan pertumbuhan di negara utama EMDE yang diunjur kembali pulih daripada kesan tekanan pasaran kewangan. KDNK China dijangka

berkembang pada kadar lebih perlahan pada 2019 dan semakin menyederhana pada 2020, terutamanya disebabkan oleh kelemahan struktur dan ketegangan perdagangan yang semakin meruncing. Sementara itu, ekonomi India diunjur berkembang kukuh pada 2019 dan semakin meningkat pada 2020 disumbang oleh permintaan domestik yang mantap dalam persekitaran rangsangan fiskal dan pembaharuan struktur. Ekonomi ASEAN diunjur berkembang pada 2019 dan 2020, sebahagian besarnya disumbang oleh permintaan domestik yang kukuh. ASEAN juga dijangka mendapat manfaat daripada China melalui pasaran domestik China yang besar dan pendapatan per kapita yang semakin meningkat melalui eksport dan pelaburan.

Inflasi global dijangka kekal 3.6% pada 2019 dan 2020. Inflasi dalam kalangan negara maju pada 2019 diunjur mencatat 1.6% manakala dalam kalangan EMDE dijangka mencatat 4.8%. Inflasi dalam kalangan negara maju pada 2020 diunjur mencatat 2% (2019: 1.6%), manakala dalam kalangan EMDE dijangka mencatat 4.7% (2019: 4.8%) berikutan pertumbuhan upah yang perlahan. Sementara itu, perdagangan dunia diunjur berkembang perlahan 2.5% pada 2019 dalam persekitaran ketegangan perdagangan antara AS dan China serta meningkat 3.7% pada 2020 disokong oleh pertumbuhan KDNK yang kukuh dalam EMDE. Aliran FDI dijangka berkembang 15% kepada USD1.5 trilion pada 2019, terutamanya disebabkan oleh peningkatan dalam aktiviti penggabungan dan pengambilalihan (M&A) merentas sempadan serta pelaburan baharu.

Pertumbuhan ekonomi global mengalami kelembapan secara menyeluruh dan cenderung kepada risiko ke bawah disebabkan oleh ketegangan perdagangan yang berterusan, ketidaktentuan dasar dan keyakinan perniagaan yang lemah. Pertikaian perdagangan yang semakin meruncing antara AS dan China dijangka memberi kesan ketara terhadap prospek pertumbuhan ekonomi global. Ketidaktentuan

Jadual 2.1. KDNK Benar bagi Negara Terpilih 2018 – 2020

	Perubahan (%)		
	2018	2019 ¹	2020 ²
Output Dunia	3.6	3.2	3.5
Negara maju	2.2	1.9	1.7
Amerika Syarikat	2.9	2.6	1.9
Kawasan euro	1.9	1.3	1.6
Jepun	0.8	0.9	0.4
Republik Korea	2.7	2.6	2.8
Negara yang berkembang pesat dan negara membangun	4.5	4.1	4.7
China	6.6	6.2	6.0
India	6.8	7.0	7.2
ASEAN			
Singapura	3.1	0.0 - 1.0	1.6
Thailand	4.1	3.3	3.7
Indonesia	5.2	5.4 - 5.8	5.3 - 5.6
Filipina	6.2	6.4	6.5
Malaysia	4.7	4.7	4.8
Perdagangan Dunia	3.7	2.5	3.7

¹ Anggaran.² Unjuran.

Sumber: Tabung Kewangan Antarabangsa dan pihak berkuasa negara.

Brexit yang masih berterusan dan keadaan pasaran kewangan yang tidak kondusif juga boleh menjejaskan pertumbuhan ekonomi. Selain itu, ketidakstabilan politik sedia ada, krisis kemanusiaan serta ketegangan geopolitik dan sosial merupakan antara faktor utama yang menyumbang kepada risiko ke bawah.

Ekonomi Global

Ekonomi AS berkembang 2.5% dalam tempoh separuh pertama 2019 disokong oleh perbelanjaan pengguna yang meningkat 2.6%, terutamanya bagi barangan tahan lama seperti kenderaan bermotor dan alat ganti. Kadar pengangguran berkurang kepada 3.8% berikutan pertambahan pekerjaan dalam perkhidmatan profesional dan perniagaan, penjagaan kesihatan, pengangkutan dan pergudangan. Inflasi mencatat 1.7% berikutan harga tenaga yang lebih rendah disebabkan oleh permintaan petrol dan diesel AS yang lembap.

Pada 2019, KDNK AS diunjur berkembang 2.6%, terutamanya disokong oleh penggunaan swasta dan permintaan luaran yang lebih tinggi walaupun dalam keadaan ketegangan perdagangan yang semakin meruncing. Penggunaan swasta dijangka meningkat 4% disokong oleh pasaran pekerjaan yang kukuh serta kenaikan gaji dan faedah. Eksport dijangka berkembang 3.5% disokong oleh barangan modal dan bekalan perindustrian manakala import dijangka lebih rendah 1.9% yang mencerminkan kesan buruk daripada tarif. Sementara itu, perbelanjaan modal dijangka berkembang lebih perlahan 2.7% disebabkan oleh pelaburan tetap yang lebih rendah, terutamanya dalam peralatan.

Dari sudut penawaran, sektor pembuatan dijangka meningkat dengan ketara 3.9% disumbang oleh pengeluaran yang lebih tinggi bagi produk kayu, barangan percetakan dan berkaitan serta produk plastik dan getah. Jualan runcit dijangka berkembang 4.3% disokong oleh jualan e-dagang yang lebih tinggi. Kadar pengangguran dijangka bertambah

Jadual 2.2. Kadar Inflasi bagi Negara Terpilih 2018 – 2020

	Perubahan (%)		
	2018	2019 ¹	2020 ²
Dunia	3.8	3.6	3.6
Negara maju	2.0	1.6	2.0
Amerika Syarikat	2.4	2.0	2.7
Kawasan euro	1.8	1.3	1.3
Jepun	1.0	1.1	1.5
Republik Korea	1.5	1.4	1.6
Negara yang berkembang pesat dan negara membangun	4.8	4.8	4.7
China	2.1	2.2	2.4
India	3.5	3.9	4.2
ASEAN			
Singapura	0.4	0.5 - 1.5	1.3
Thailand	1.1	0.7 - 1.2	1.1
Indonesia	3.2	3.1	3.1
Filipina	5.2	2.7	3.0
Malaysia	1.0	0.9	2.0

¹ Anggaran.² Unjuran.

Sumber: Tabung Kewangan Antarabangsa dan pihak berkuasa negara.

baik kepada 3.6% berikutan pengembangan industri penjagaan kesihatan dan perkhidmatan manakala inflasi dijangka mencatat 2% disebabkan oleh harga tenaga yang lebih rendah. Federal Reserve (Fed) telah menurunkan kadar dana persekutuan sebanyak 25 mata asas masing-masing pada bulan Julai dan September 2019 kepada lingkungan 1.75% hingga 2.00% untuk memacu ekonomi.

Pertumbuhan ekonomi AS pada 2020 diunjur menyederhana 1.9% (2019: 2.6%) disebabkan oleh permintaan domestik yang lebih perlahan dan kesan pakej rangsangan fiskal pada 2017 – 2018 yang semakin berkurangan. Penggunaan swasta dijangka perlahan 2.5% (2019: 4%) terutamanya disebabkan oleh kesan pertikaian perdagangan. Selain itu, perbelanjaan modal dijangka berkembang lebih perlahan pada kadar 2.4% (2019: 2.7%) sebahagian besarnya disebabkan oleh pertumbuhan pelaburan swasta yang lebih rendah dan dijangka mencatat 2.9% (2019: 3.1%). Kadar pengangguran dijangka berkurang kepada 3.5% (2019: 3.6%) lanjutan pertambahan pekerjaan berpendapatan rendah dalam industri perkhidmatan runcit dan makanan manakala inflasi diunjur mencatat 2.7% (2019: 2%). Fed juga dijangka mengurangkan kadar dana persekutuan sebanyak lima kali pada 2020 untuk mencapai sasaran inflasi 2% dan guna tenaga penuh dalam jangka sederhana.

Pertikaian perdagangan yang semakin memuncak serta kebalikan mendadak daripada keadaan pasaran kewangan yang memberangsangkan boleh menjejaskan pertumbuhan ekonomi AS dalam jangka masa sederhana. Rangsangan fiskal yang diperkenalkan pada 2017 – 2018 telah menyokong pertumbuhan ekonomi walaupun ekonomi global berkembang perlahan pada 2018. Walau bagaimanapun, rangsangan fiskal ini telah menyumbang kepada peningkatan hutang awam secara berterusan yang akan menjejaskan nisbah hutang kepada KDNK semasa pada tahap 78% KDNK kerajaan persekutuan dan 107% daripada KDNK kerajaan am.

KDNK UK berkembang 1.5% dalam tempoh separuh pertama 2019 disokong oleh permintaan domestik yang kukuh, terutamanya dalam

perbelanjaan swasta dan awam. Penggunaan isi rumah berkembang 1.9% berikutan keyakinan terhadap prospek pekerjaan dan upah seterusnya meningkatkan perbelanjaan pengguna. Penggunaan kerajaan juga meningkat 2.2% disumbang oleh perbelanjaan yang lebih tinggi dalam sektor kesihatan, infrastruktur dan pertahanan. Kadar pengangguran berkurang sedikit kepada 4% manakala inflasi menurun 2% berikutan harga lebih rendah bagi bahan api motor, perkhidmatan penginapan serta elektrik, gas dan bahan api lain.

Pertumbuhan ekonomi UK pada 2019 diunjur mencatat 1.3% disebabkan oleh penggunaan swasta dan pelaburan yang lebih perlahan dalam keadaan ketidakpastian hasil rundingan Brexit pada Oktober 2019. Walau bagaimanapun, pertumbuhan ekonomi yang lebih perlahan ini dijangka dapat diimbangi oleh pengumpulan inventori dan penyimpanan stok pra-Brexit. Kadar pengangguran diunjur mencatat 4.1% berikutan penambahan peluang pekerjaan dalam industri profesional, saintifik dan teknikal. Inflasi dijangka mencatat 1.8% disebabkan oleh harga tenaga yang lebih rendah.

Pertumbuhan ekonomi UK pada 2020 dijangka mencatat 1.4% (2019: 1.3%) disokong oleh pelaburan awam yang dirancang untuk menambah baik perumahan dan infrastruktur awam sehingga akhir 2020. Perbelanjaan pengguna diunjur bertambah baik manakala pelaburan perniagaan pulih sedikit. Selain itu, industri perkhidmatan akan terus menyokong pertumbuhan ekonomi. Inflasi dijangka mencatat 2% (2019: 1.8%), manakala kadar pengangguran dijangka merekod 4.1% (2019: 4.1%).

Brexit, terutamanya tanpa perjanjian, akan mewujudkan risiko ke atas pertumbuhan ekonomi UK. Seterusnya, pelaburan perniagaan UK dijangka terus lemah berikutan keyakinan perniagaan lebih rendah, sehingga terma dan syarat Brexit menjadi lebih jelas. Sekiranya Brexit tanpa perjanjian berlaku, harga makanan dijangka terjejas dan berkemungkinan mendorong inflasi untuk terus meningkat melebihi sasaran 2% memandangkan sekitar 30% makanan diimport dari EU.

Rencana 2.1**Memanfaatkan Pembiayaan Projek daripada Jawatankuasa Tetap Kerjasama Ekonomi dan Perdagangan****Pengenalan**

Jawatankuasa Tetap Kerjasama Ekonomi dan Perdagangan (COMCEC) merupakan salah satu daripada empat jawatankuasa tetap¹ Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC), sebuah organisasi yang dianggotai Malaysia sejak 1969. COMCEC, yang ditubuhkan pada 1981 dan beroperasi pada 1984, menyelia dan menyelaraskan semua aktiviti ekonomi OIC. COMCEC dianggotai 57 negara dan disertai lima negara pemerhati.

Visi COMCEC adalah untuk membina umat Islam yang maju berdasarkan kepada perpaduan dan kesalingbergantungan, peningkatan mobiliti dan tadbir urus yang baik. Selaras dengan visi tersebut, misi COMCEC adalah untuk menyediakan forum bagi menghasilkan dan menyebarkan pengetahuan serta berkongsi pengalaman dan amalan terbaik. Visi dan misi ini bertujuan supaya manfaat bersama dapat diperoleh serta memperkukuh lagi kerjasama dalam kalangan negara anggota.

Objektif COMCEC bertujuan untuk:

- menangani cabaran ekonomi yang dihadapi oleh umat Islam dan menyumbang kepada usaha pembangunan negara anggota;
- menghasilkan dan menyebarkan ilmu pengetahuan; berkongsi pengalaman dan amalan terbaik; memupuk persefahaman bersama; dan mewujudkan kesetaraan dasar dalam kalangan negara anggota selaras dengan visi dan prinsip Strategi COMCEC;
- menjadi forum utama bagi negara anggota untuk membincangkan pelbagai isu ekonomi dan perdagangan antarabangsa;
- mengkaji segala kaedah yang bersesuaian bagi mengukuhkan kerjasama ekonomi dan perdagangan dalam kalangan negara anggota;
- menyusun program dan mengemukakan cadangan untuk meningkatkan kebajikan negara anggota; dan
- memastikan penyelarasan keseluruhan aktiviti OIC berkaitan kerjasama ekonomi dan perdagangan dalam kalangan negara anggota.

Sesi tahunan Peringkat Menteri COMCEC yang dipengerusikan oleh Presiden Turki bersidang pada bulan Oktober atau November di Istanbul, Turki. Sehingga kini, sesi tahunan ini telah berlangsung sebanyak 34 kali.

Strategi COMCEC

Mesyuarat Luar Biasa Sidang Kemuncak Islam Ke-4 yang diadakan pada 14 - 15 Ogos 2012 di Mekah, Arab Saudi telah menerima pakai Strategi COMCEC bagi memenuhi keperluan negara anggota OIC. Strategi ini dibina berlandaskan tiga prinsip: meningkatkan mobiliti, mengukuhkan perpaduan dan menambah baik tadbir urus. Berdasarkan prinsip ini, COMCEC memberi tumpuan kepada enam bidang kerjasama iaitu kerjasama kewangan, perdagangan, pelancongan, pertanian, pengangkutan dan komunikasi serta pengurangan kadar kemiskinan. Antara ciri utama untuk

¹ Jawatankuasa tetap lain ialah Jawatankuasa Tetap Kerjasama Sains dan Teknologi (COMSTECH), Jawatankuasa Tetap Maklumat dan Hal Ehwal Kebudayaan (COMIAC) dan Jawatankuasa Al Quds.

merealisasikan kejayaan pelaksanaan Strategi COMCEC adalah pembentukan kumpulan kerja di bawah setiap bidang kerjasama dan pengurusan kitaran projek dengan mekanisme kewangan yang telah dikenal pasti.

Malaysia diwakili oleh Kementerian Kewangan bagi Kumpulan Kerja Kerjasama Kewangan. Kumpulan kerja lain ialah:

- Kumpulan Kerja Perdagangan yang diwakili oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI);
- Kumpulan Kerja Pelancongan yang diwakili oleh Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya;
- Kumpulan Kerja Pertanian yang diwakili oleh Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani;
- Kumpulan Kerja Pengangkutan dan Komunikasi yang diwakili oleh Kementerian Pengangkutan; dan
- Kumpulan Kerja Pengurangan Kadar Kemiskinan yang diwakili oleh Kementerian Hal Ehwal Ekonomi.

MITI telah dilantik sebagai penyelaras utama Malaysia untuk menyelia aktiviti semua kumpulan kerja dan mewakili negara di Sesi Peringkat Menteri COMCEC.

Mesyuarat kumpulan kerja merupakan salah satu platform COMCEC untuk mencapai matlamat selain daripada pengurusan kitaran projek. Negara anggota akan terus membincangkan tema yang telah dikenal pasti oleh COMCEC mengikut bidang kerjasama yang ditetapkan melalui mesyuarat ini.

Kumpulan Kerja Kerjasama Kewangan COMCEC

Objektif strategik utama Kumpulan Kerja Kerjasama Kewangan (FCWG) adalah untuk meningkatkan lagi kerjasama dalam kalangan negara anggota terutamanya dalam pasaran kewangan dan modal. Kerjasama ini melibatkan kawal atur dan kawal selia, aliran modal, tadbir urus serta pembangunan kapasiti dan aktiviti R&D. Tema untuk FCWG sejak penubuhannya pada 2013 seperti Jadual 2.1.1.

Jadual 2.1.1. Tema COMCEC FCWG

Mesyuarat Kumpulan Kerja	Tarikh Mesyuarat	Tema
FCWG Pertama	12 Disember 2013	Mengukuhkan Aliran Modal di Rantau COMCEC
FCWG Ke-2	27 Mac 2014	Mengukuhkan Keterangan Kewangan dalam kalangan Negara Anggota COMCEC
FCWG Ke-3	16 Oktober 2014	Pengurusan Risiko dalam Instrumen Kewangan Islam
FCWG Ke-4	19 Mac 2015	Menambah baik Mekanisme Penyeliaan Perbankan dalam kalangan Negara Anggota OIC
FCWG Ke-5	15 Oktober 2015	Sistem Pembayaran Runcit dalam kalangan Negara Anggota OIC
FCWG Ke-6	17 – 18 Mac 2016	Membangunkan Strategi Kewangan Islam dalam kalangan Negara Anggota OIC

(sambungan)

Jadual 2.1.1. Tema COMCEC FCWG (sambungan)

Mesyuarat Kumpulan Kerja	Tarikh Mesyuarat	Tema
FCWG Ke-7	20 Oktober 2016	Rangka Kerja Kewangan Islam di Peringkat Nasional dan Global: Isu dan Penyelesaian bagi Negara Anggota OIC
FCWG Ke-8	30 Mac 2017	Menambah baik Pengurusan Hutang Awam dalam kalangan Negara Anggota OIC
FCWG Ke-9	26 Oktober 2017	Kepelbagaian Instrumen Kewangan Islam
FCWG Ke-10	29 Mac 2018	Peranan Sukuk dalam Pasaran Modal Islam
FCWG Ke-11	25 Oktober 2018	Pengurusan Dana Islam
FCWG Ke-12	28 Mac 2019	Pembiayaan Infrastruktur melalui Kewangan Islam dalam kalangan Negara Anggota OIC
FCWG Ke-13	17 Oktober 2019	Menambah baik Sektor Takaful dalam kalangan Negara Islam

Sumber: Jawatankuasa Tetap Kerjasama Ekonomi dan Perdagangan dan disusun oleh Kementerian Kewangan, Malaysia.

Pembiayaan Projek COMCEC dan Manfaat kepada Malaysia

COMCEC berusaha untuk menggembeng keupayaan institusi dan modal insan dalam kalangan negara anggota menerusi Pembiayaan Projek COMCEC (CPF). CPF merupakan mekanisme pembiayaan yang diperkenalkan oleh Pejabat Penyelarasan COMCEC (CCO) pada 2013. Had peruntukan projek, kadar pembiayaan bersama dan had geran adalah seperti di Jadual 2.1.2.


Jadual 2.1.2. Had Peruntukan Projek, Kadar Pembiayaan Bersama dan Had Geran

Pemilik Projek	Jenis Projek	Had Peruntukan Projek (USD)	Kadar Minimum ditanggung Pemilik Projek bagi Pembiayaan Bersama (%)	Had Geran CCO (USD)
Negara Anggota	Projek berasaskan aktiviti	250,000	10	225,000
	Penyelidikan	80,000		72,000
Institusi OIC	Projek berasaskan aktiviti	100,000	25	75,000
	Penyelidikan	80,000		60,000

Sumber: Diubahsuai daripada COMCEC *Project Preparation and Submission Guidelines – 2019 Edition*.

Sepanjang tempoh 2014 hingga 2018, CPF telah membiayai sebahagian besar daripada pelaksanaan 70 program latihan, 35 bengkel, 45 lawatan belajar, satu persidangan antarabangsa dan 10 laporan penyelidikan. Bagi tempoh pelaksanaan 2019, sejumlah 24 projek telah diluluskan untuk pembiayaan CPF manakala COMCEC dijangka menerima 50 permohonan projek daripada pemilik projek dan rakan kongsi untuk tempoh pelaksanaan 2020.

Rajah 2.1.1. Peranan dan Tanggungjawab



Sumber: Diubahsuai daripada COMCEC *Project Preparation and Submission Guidelines – 2019 Edition*.

Peranan dan tanggungjawab pihak yang terlibat dalam proses pemilihan projek COMCEC adalah seperti di Rajah 2.1.1.

Pemilik Projek: Pemilik projek terdiri daripada institusi awam di negara anggota atau institusi OIC yang beroperasi dalam enam bidang kerjasama ekonomi dan perdagangan. Pemilik projek bertanggungjawab untuk penyerahan projek kepada CCO. Sekiranya permohonan projek diluluskan, pemilik projek bertanggungjawab untuk pengurusan, pelaksanaan dan pelaporan projek dengan menggunakan dana yang diperuntukkan di bawah CPF. Selain itu, negara anggota tersebut perlu menjadi ahli kumpulan kerja berkaitan sekiranya ingin mengemukakan cadangan projek di dalam bidang yang ditetapkan.

CCO: CCO bertanggungjawab ke atas pelaksanaan dan pemantauan CPF secara keseluruhan. Pemilik projek dinasihatkan untuk berunding dengan CCO semasa proses penyediaan dan penyerahan projek. Selepas fasa penilaian, CCO memuktamadkan dan mengumumkan senarai projek yang layak untuk menerima pembiayaan dan menyerahkan senarai tersebut kepada Bank Pembangunan dan Pelaburan Turki.

Bank Pembangunan dan Pelaburan Turki: Bank ini bertanggungjawab terutamanya dalam menyediakan pembiayaan dan memantau projek semasa tempoh pelaksanaan serta menandatangani kontrak operasi dan kewangan dengan pemilik projek. Bank ini turut bertanggungjawab untuk mengemukakan laporan kemajuan secara berkala kepada CCO berkaitan status projek.

Malaysia mempunyai lima projek yang dibiayai melalui CPF: tiga di bawah bidang pertanian manakala satu di bawah bidang pelancongan dan satu kerjasama kewangan. Di bawah bidang kerjasama kewangan, Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC) telah berjaya melaksanakan *The Islamic Capital Market Capacity Building Programme* pada 2015. SC merupakan agensi pertama di Malaysia dan di dalam COMCEC *Capital Market Regulators Forum* yang menerima pembiayaan projek sejak penubuhan mekanisme pembiayaan CPF pada 2013. Program ini bertujuan menggalakkan kesedaran, membangun dan meningkatkan kapasiti serta mengenal pasti isu dan jurang yang perlu ditangani bagi memperkukuh pembangunan pasaran modal Islam.

Peserta dari 17 negara telah mengambil bahagian dalam dua bengkel yang diadakan di bawah program ini. Hasil perbincangan dan cadangan daripada bengkel tersebut telah dimasukkan ke dalam satu laporan bagi membantu penggubalan dasar untuk membangunkan infrastruktur pasaran modal Islam di negara anggota. Satu cadangan penting daripada laporan tersebut adalah penyediaan garis panduan dalam membangunkan pelan induk pasaran modal Islam dan rangka kerja tadbir urus Syariah.

Isu, Cabaran dan Peluang

Kepakaran Malaysia dalam bidang kewangan Islam amat bernilai bagi negara anggota OIC yang lain, memberikan Malaysia peluang untuk terlibat dalam pelbagai usaha pembangunan kapasiti. Malaysia telah memberi fokus membantu negara anggota kurang maju dalam pembangunan dan pelaksanaan dasar. Selain daripada menerajui dalam bidang yang Malaysia mempunyai kepakaran secara relatif, Malaysia juga perlu menimba ilmu pengetahuan dan pengalaman daripada negara anggota OIC serta institusi kewangan antarabangsa yang lain.

Selain daripada projek berasaskan aktiviti sedia ada, fokus perlu diberikan kepada projek yang melibatkan penyelidikan mendalam, seterusnya berpotensi memberi manfaat kepada pembangunan sektor kewangan domestik. Bidang penyelidikan yang berpotensi untuk kewangan Islam termasuk teknologi kewangan atau kewangan digital, kewangan sosial, perdagangan halal, pelaburan mampan dan pembiayaan perdagangan. Kesemua bidang ini akan terus mengukuhkan kedudukan Malaysia sebagai peneraju dalam kewangan Islam global serta memberi peluang perniagaan kepada pengantara dan penyedia perkhidmatan tempatan.

Selain itu, syarikat Malaysia boleh menawarkan perkhidmatan sebagai perunding untuk kajian khusus bagi melaksanakan projek yang bertujuan menyokong pembangunan enam bidang kerjasama COMCEC. Sebagai contoh, dalam bidang kerjasama kewangan, International Shariah Research Academy (ISRA) dan RAM Rating Services Berhad telah berganding melaksanakan projek penyelidikan berkenaan pasaran sukuk dan industri dana Islam yang diberi tanggungjawab oleh COMCEC untuk dikemukakan kepada negara anggota. Kajian ini mengenal pasti isu dan cabaran dalam pasaran sukuk dan industri dana Islam serta memberi cadangan untuk meningkatkan pertumbuhan dalam segmen kewangan tersebut.

Kesimpulan

Gabungan antara elemen kelestarian dan teknologi kewangan yang saling mempengaruhi boleh menyumbang kepada era kewangan Islam yang baharu. Kemajuan teknologi digital dapat memudahkan penyelesaian pelaburan yang lebih terangkum, seterusnya memberi impak positif ke atas sosial dan alam sekitar. Sehubungan itu, Malaysia boleh memainkan peranan yang lebih besar dalam COMCEC dengan memanfaatkan CPF, justeru merapatkan jurang pembangunan negara anggota OIC. Melalui hubungan yang lebih erat dengan negara anggota OIC, Malaysia juga boleh mendapat sokongan dalam bidang kerjasama berkepentingan menerusi platform pelbagai hala lain.

Ekonomi kawasan euro berkembang lebih perlahan 1.2% dalam tempoh separuh pertama 2019 berikutan pengeluaran perindustrian yang lembap, terutamanya dalam sektor pembuatan. Sementara itu, pasaran buruh semakin bertambah baik dengan kadar pengangguran mencatat 7.7%, terutamanya disokong oleh pembaharuan terkini dalam pasaran buruh yang menyumbang kepada pewujudan lebih banyak pekerjaan. Inflasi merekod 1.4%.

Ekonomi kawasan euro pada 2019 dijangka berkembang sederhana 1.3% memandangkan permintaan global yang lebih perlahan disebabkan oleh ketegangan perdagangan. Keadaan ini terus melemahkan sektor pembuatan dan keyakinan perniagaan. Sementara itu, kadar pengangguran dijangka bertambah baik kepada 7.7% berikutan peningkatan pekerjaan, terutamanya dalam sektor perkhidmatan. Inflasi dijangka menurun 1.3% disebabkan oleh harga tenaga yang lebih rendah serta bekalan wang yang berkurang dalam pasaran berikutan penamatan program pembelian aset oleh European Central Bank (ECB) pada Disember 2018 yang telah dilaksanakan selama empat tahun.

Pertumbuhan ekonomi pada 2020 diunjur berkembang 1.6% (2019: 1.3%) memandangkan pengeluaran perindustrian dijangka kembali meningkat, terutamanya dalam aktiviti pembuatan dan pembinaan. Sektor perkhidmatan juga diunjur meningkat disokong oleh permintaan dari rantau Eropah dalam persekitaran kelonggaran dasar fiskal secara berterusan. Kadar pengangguran dijangka bertambah baik kepada 7.5% (2019: 7.7%) berikutan pewujudan pekerjaan dalam sektor perkhidmatan dan pembinaan. Sementara itu, inflasi dijangka kekal 1.3% (2019: 1.3%) mencerminkan harga tenaga rendah yang berterusan.

Pertumbuhan ekonomi kawasan euro cenderung kepada risiko ke bawah. Ketegangan perdagangan yang berpanjangan antara AS dan China berkemungkinan melemahkan lagi sektor pembuatan dan berpotensi merebak kepada sektor lain, seterusnya melemahkan keadaan pasaran buruh dan penggunaan swasta. Brexit terus menjadi penyebab utama ketidakpastian kepada rantau ini.

Pertumbuhan ekonomi di Jerman lebih perlahan 0.4% dalam tempoh separuh pertama 2019, sebahagian besarnya disebabkan oleh

pengeluaran perindustrian yang lebih lemah, terutamanya pembuatan auto. Subsektor pembuatan menguncup 3.6% berikutan pengeluaran kereta yang lebih rendah susulan pelaksanaan ujian baharu di EU, iaitu *Worldwide Harmonised Light Vehicle Test Procedure* (WLTP) serta permintaan luaran yang lebih lemah daripada China, AS, kawasan euro dan UK. Pasaran buruh terus bertambah baik dengan kadar pengangguran mencatat 3.2%. Inflasi berkurang kepada 1.5% disebabkan oleh harga makanan, minuman beralkohol dan tembakau yang lebih rendah.

Jerman dijangka mencatat pertumbuhan ekonomi lebih perlahan 0.7% pada 2019 disebabkan oleh aktiviti pembuatan yang lebih lemah dalam industri auto. Pengilang auto telah menangguhkan pengeluaran berikutan kelewatan memperolehi sijil pematuan WLTP. Selain itu, tarif baharu yang mungkin akan diperkenalkan oleh AS ke atas eksport automotif EU serta gangguan rantai bekalan akibat ketidakpastian Brexit dijangka menjejaskan lagi subsektor pembuatan dan seterusnya mengekang pertumbuhan ekonomi. Kadar pengangguran dijangka mencatat 3.2% berikutan tenaga buruh yang semakin berkurang dalam persekitaran trend demografi menua. Inflasi diunjur lebih rendah 1.4% disebabkan oleh kejatuhan harga tenaga.

Pertumbuhan ekonomi di Jerman pada 2020 dijangka berkembang 1.7% (2019: 0.7%), disokong oleh sektor industri yang kembali pulih berikutan strategi negara yang lebih mempertahankan sektor tersebut. Jerman dan Perancis telah melancarkan pelan perindustrian baharu secara bersama pada Mac 2019. Pelan tersebut dijangka menyokong pertumbuhan sektor industri melalui sokongan yang meningkat terhadap beberapa sektor strategik, pembiayaan yang bertambah untuk inovasi dan peraturan yang lebih ketat ke atas aliran FDI ke EU. Selain itu, mulai 2020, kerajaan akan menyediakan insentif cukai sebanyak EUR1.25 bilion untuk menyokong R&D dalam persekitaran pembangunan inovasi industri auto yang pesat dalam AS dan China. Kadar pengangguran dijangka mencatat 3.1% (2019: 3.2%), manakala inflasi diunjur lebih tinggi 1.8% (2019: 1.4%), sejajar dengan sasaran inflasi 2% oleh ECB.

Cabaran struktur demografi dan industri auto yang tidak menggalakkan menyumbang kepada risiko domestik. Gangguan kepada industri auto berikutan peralihan tenaga yang baru melanda serta revolusi teknologi dan digital dijangka menjejaskan kedudukan Jerman sebagai peneraju inovasi. Selain itu, trend demografi yang tidak menggalakkan akan lebih mengekang produktiviti dan potensi pertumbuhan ekonomi memandangkan jumlah penduduk dalam umur bekerja menurun.

Ekonomi Perancis berkembang lebih perlahan 1.1% dalam tempoh separuh pertama 2019 terutamanya disebabkan oleh permintaan domestik yang lebih lemah. Penggunaan isi rumah merosot 0.4% berikutan aktiviti membeli-belah hujung minggu yang terganggu akibat demonstrasi jalanan yang berterusan bagi membantah pembaharuan ekonomi. Perbelanjaan awam lebih rendah 0.7% mencerminkan komitmen kerajaan untuk mematuhi had defisit fiskal 3% yang ditetapkan oleh EU. Sementara itu, keadaan pasaran buruh bertambah kukuh dengan kadar pengangguran mencatat 8.7% lanjutan pembaharuan ke atas pendidikan dan latihan vokasional bagi menggalakkan penyertaan pasaran buruh. Inflasi diunjur lebih rendah 1.2% disebabkan oleh harga tenaga dan barangan perkilangan yang lebih rendah.

Pertumbuhan ekonomi pada 2019 dijangka menyederhana 1.3% disebabkan oleh pelaburan yang lebih perlahan dan eksport yang lebih lemah. Pertumbuhan pelaburan perniagaan diunjur lebih rendah berikutan demonstrasi jalanan yang masih berterusan dan aktiviti perindustrian dalam kawasan euro yang semakin perlahan. Selain itu, ketidaktentuan rundingan Brexit akan menjejaskan keyakinan pelabur dan memperlakan prospek pertumbuhan ekonomi. Ketegangan perdagangan yang semakin meruncing antara AS dan EU akibat pemberian subsidi EU kepada Airbus dan penganan cukai oleh Perancis terhadap firma teknologi akan menggugat eksport. Kadar pengangguran dijangka bertambah baik kepada 8.6% susulan pembaharuan pasaran buruh yang berterusan walaupun berlaku mogok dan demonstrasi. Inflasi diunjur lebih rendah 1.2% disebabkan oleh penurunan harga tenaga yang berterusan.

Ekonomi Perancis pada 2020 diunjur berkembang 1.4% (2019: 1.3%), sebahagian besarnya disokong oleh permintaan domestik yang kembali pulih dalam persekitaran pembaharuan struktur. Penggunaan swasta dijangka meningkat disokong oleh langkah fiskal secara berterusan untuk meningkatkan pendapatan boleh guna isi rumah. Pelaburan perniagaan diunjur beransur pulih berikutan kadar cukai pendapatan korporat yang lebih rendah. Selaras dengan pengenalan *Action Plan on Business Growth and Transformation (PACTE)* pada 2019, persekitaran perniagaan dijangka bertambah baik melalui pengurangan birokrasi dan seterusnya memacu pelaburan. Keadaan pasaran buruh dijangka terus bertambah baik dengan kadar pengangguran merekod 8.3% (2019: 8.6%) berikutan rancangan pembaharuan pasaran buruh yang akan mengenakan syarat lebih ketat ke atas faedah pengangguran. Inflasi dijangka mencatat 1.4% (2019: 1.2%).

Risiko domestik berkaitan pergolakan sosial yang berpanjangan dijangka melambatkan agenda reformasi kerajaan dan akan menjejaskan prospek pertumbuhan ekonomi negara. Selain itu, kerajaan mempunyai ruang fiskal yang terhad untuk bertindak balas terhadap kejutan ekonomi disebabkan oleh komitmen kerajaan untuk memperbetulkan tahap defisit dalam tempoh peralihan tiga tahun dari 2018 hingga 2020 di bawah prosedur defisit berlebihan EU. Dari segi persekitaran luaran ketidaktentuan rundingan Brexit, ketegangan perdagangan dan pertumbuhan ekonomi yang lebih lemah daripada jangkaan dalam kawasan euro boleh menjejaskan eksport dan keyakinan perniagaan di Perancis.

Ekonomi Jepun berkembang 1.1% dalam tempoh separuh pertama 2019 dipacu oleh permintaan domestik. Pertumbuhan penggunaan swasta lebih tinggi 1% berikutan pengguna membuat pembelian lebih awal sebelum kenaikan cukai jualan yang dijadualkan pada Oktober 2019. Pelaburan swasta khususnya pelaburan modal, meningkat semula 2.9% berikutan syarikat menambah pembelian mesin bagi menghadapi masalah kekurangan buruh. Inflasi mencatat 0.5% manakala kadar pengangguran merekod 2.4%.

Jepun dijangka mencatat pertumbuhan KDNK 0.9% pada 2019 didorong oleh penggunaan swasta dan pelaburan perniagaan yang meningkat. Penggunaan swasta diunjur lebih tinggi disebabkan oleh pembelian yang dibuat dalam sembilan bulan pertama 2019 sebelum kenaikan cukai jualan. Jepun meluluskan pelan induk pembaharuan ekonomi pada Jun 2019 yang mengesahkan kenaikan cukai jualan daripada 8% ke 10%. Bagi mengurangkan impak kenaikan cukai dan membantu merencanakan ekonomi, kerajaan Jepun telah melaksanakan inisiatif pengurangan kadar cukai bagi barangan terpilih termasuk makanan, pendidikan percuma bagi prasekolah dan langkah tindak balas seperti rancangan penubuhan mata ganjaran. Kerajaan juga telah mengumumkan kenaikan upah jam minimum kepada JPY1,000 daripada JPY874 bagi meningkatkan pendapatan boleh guna golongan disasar. Inflasi diunjur mencatat 1.1% disebabkan oleh yen yang lebih lemah. Kadar pengangguran dijangka kekal 2.4%.

Pertumbuhan KDNK Jepun pada 2020 diunjur lebih rendah 0.4% (2019: 0.9%) disebabkan oleh penggunaan swasta yang lembap akibat kenaikan cukai jualan walaupun Jepun menganjurkan Sukan Olimpik. Inflasi dijangka mencatat 1.5%

(2019: 1.1%), manakala kadar pengangguran kekal 2.4% (2019: 2.4%). Sasaran awal kerajaan untuk mencapai lebih bajet utama menjelang 2020 telah ditangguh ke 2027 disebabkan oleh pelaksanaan rangsangan fiskal dan kos yang tinggi untuk menyokong keperluan populasi menua. Risiko kepada ekonomi Jepun termasuk ketegangan perdagangan antara AS dan China, impak kenaikan cukai jualan serta naik turun dalam pasaran modal. Pertumbuhan upah yang lembap dan permintaan pengguna yang lemah disebabkan oleh kuasa beli isi rumah yang lebih rendah dijangka berterusan.

Ekonomi Australia berkembang perlahan 1.4% dalam tempoh separuh pertama 2019, terutamanya disebabkan oleh penggunaan isi rumah yang kekal rendah. Perbelanjaan swasta diunjur berkembang perlahan 1.4% disebabkan oleh pengurangan perbelanjaan akibat pertumbuhan upah yang lemah dan hutang isi rumah yang tinggi. Kadar pengangguran bertambah baik kepada 5.2% susulan peningkatan sementara dalam pekerjaan sambil semasa pilihan raya umum pada 18 Mei 2019. Inflasi mencatat 1.6% disebabkan oleh harga yang lebih rendah bagi pengangkutan dan penjagaan kesihatan.

Sisipan 2.1

Manfaat Keanggotaan Malaysia dalam Bank Pembangunan Pelbagai Hala

Pengenalan

Bank pembangunan pelbagai hala (MDB) merupakan institusi kewangan antarabangsa yang diberi mandat oleh negara anggota bertujuan menggalakkan pembangunan ekonomi, terutamanya bagi negara anggota lebih miskin. Pada mulanya, MDB ditubuhkan selepas Perang Dunia Kedua untuk membantu pembinaan semula Eropah dan menyediakan mekanisme bagi kerjasama antarabangsa dalam menguruskan sistem kewangan global. Kini, terdapat lebih daripada 20 MDB di seluruh dunia dengan skop dan fungsi merangkumi pengawasan hingga pinjaman. Malaysia merupakan anggota dalam lima MDB iaitu:

- Kumpulan Bank Dunia (WBG);
- Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF);
- Bank Pembangunan Asia (ADB);
- Bank Pembangunan Islam (IsDB); dan
- Bank Pelaburan Infrastruktur Asia (AIIB).

MDB menyediakan platform penting untuk kerjasama pelbagai hala yang bertujuan menyokong pertumbuhan dan memangkin pembangunan melalui pemberian pinjaman, khidmat nasihat dan program pembangunan kapasiti kepada negara anggota. MDB terus berkembang dengan memberi keutamaan kepada matlamat pembangunan iaitu membasmi kemiskinan tegar dan mengurangkan ketidaksamaan ekonomi. Berbeza daripada bank komersial yang bertujuan memaksimumkan keuntungan pemegang saham, MDB menyediakan kemudahan seperti pinjaman konsesi dan geran untuk membiayai projek dalam bidang yang telah dikenal pasti bagi menggalakkan pembangunan di negara anggota.

Malaysia dan MDB

Penyertaan aktif Malaysia dalam WBG, IMF, ADB, IsDB dan AIIB membuktikan komitmen dan kerjasama negara dalam mencapai pertumbuhan mampan dan seimbang. Selain itu, penglibatan dalam MDB ini membolehkan penyelarasan dasar yang lebih baik, seterusnya memperluas dan memperdalam integrasi ekonomi antara Malaysia dan negara anggota. Ringkasan penyertaan Malaysia dalam MDB seperti di Jadual 2.1.1.

Jadual 2.1.1. Ringkasan Penyertaan Malaysia dalam MDB

Bil.	Perkara	WBG	IMF	ADB	IsDB	AIIB
1.	Keanggotaan	7 Mac 1958	7 Mac 1958	28 Julai 1966	7 Mac 1975	27 Mac 2017
2.	Jumlah Negara Anggota	189	189	68	57	100
3.	Negara Pengasas	Tidak	Tidak	Ya	Ya	Ya
4.	Peranan dan Fungsi	▪ Mengurangkan kemiskinan ▪ Menggalakkan kemakmuran bersama	▪ Memastikan kestabilan sistem kewangan antarabangsa	▪ Meningkatkan pertumbuhan ekonomi dan kerjasama dalam rantau Asia dan Pasifik	▪ Meningkatkan pembangunan ekonomi dan kemajuan sosial dalam kalangan negara dan komuniti Islam	▪ Menumpukan kepada pembangunan infrastruktur di Asia
5.	Perkhidmatan yang Ditawarkan	▪ Pinjaman ▪ Bantuan Teknikal ▪ Geran ▪ Instrumen Pembiayaan ▪ Jaminan ▪ Pembangunan Kapasiti ▪ Penyelesaian Pertikaian	▪ Bantuan Kewangan ▪ Sokongan Teknikal ▪ Pengawasan	▪ Pinjaman ▪ Bantuan Teknikal ▪ Geran ▪ Pelaburan Ekuiti ▪ Pembiayaan Bersama	▪ Pinjaman* ▪ Bantuan Teknikal* ▪ Geran* ▪ Instrumen Pembiayaan* * selaras dengan prinsip Syariah	▪ Pinjaman ▪ Nasihat Teknikal ▪ Pelaburan Ekuiti ▪ Jaminan ▪ Pembiayaan Bersama

Sumber: Kumpulan Bank Dunia, Tabung Kewangan Antarabangsa, Bank Pembangunan Asia, Bank Pembangunan Islam dan Bank Pelaburan Infrastruktur Asia.

Manfaat Keanggotaan Malaysia dalam MDB

Malaysia telah memperoleh banyak manfaat melalui perkhidmatan pembiayaan yang disediakan oleh MDB pada peringkat awal pembangunan infrastruktur, perindustrian dan ekonomi negara. Apabila pasaran modal negara menjadi lebih dinamik dan sebagai langkah mengurangkan

pendedahan kepada risiko pertukaran asing, Malaysia tidak lagi meminjam daripada MDB sejak dua dekad yang lalu. Walau bagaimanapun, negara terus mendapat faedah sebagai negara anggota MDB melalui pelbagai kemudahan.

Salah satu faedah yang diterima ialah *reimbursable advisory services* yang disediakan oleh WBG dalam pelbagai bidang termasuk pembangunan mampan, daya saing dan pengurusan ekonomi. Sejak pejabat WBG bertapak di Malaysia pada 2015, Malaysia telah memperoleh akses langsung kepada pengetahuan dan kepakaran WBG untuk meningkatkan keupayaan negara yang sedang menuju ke arah ekonomi maju dan berpendapatan tinggi. WBG turut menyediakan analisis berhubung cabaran dasar dan perkembangan ekonomi negara terkini melalui *Malaysia Economic Monitor* (MEM) yang diterbitkan dua kali setahun. Penerbitan MEM edisi Jun 2019 bertajuk *Re-energising the Public Service* memberi tumpuan kepada peranan penting yang digalas perkhidmatan awam selaras dengan agenda pembaharuan Kerajaan.

Keanggotaan Malaysia dalam IMF telah memberi manfaat kepada negara melalui aktiviti pengawasan tahunan, dimandatkan melalui Artikel IV, Artikel Perjanjian IMF yang melibatkan penilaian ke atas perkembangan ekonomi dan kewangan negara. IMF juga menyediakan bantuan teknikal (TA) dalam pelbagai bidang termasuk pengurusan kewangan awam, pengurusan hutang dan percukaian. Salah satu TA yang dilaksanakan dengan kerjasama Kementerian Kewangan bertajuk *Financial Risks Management Workshop* telah memberi gambaran keseluruhan risiko kepada belanjawan Kerajaan serta berkongsi teknik menganalisis dan mekanisme bagi menghadapi kesemua risiko ini.

Sokongan ADB di Malaysia telah memberi fokus dalam meningkatkan kerjasama dan integrasi serantau, memangkinkan pelaburan swasta dan pembangunan kapasiti. ADB telah menyasarkan beberapa sektor spesifik dan mengenal pasti bidang keutamaan tematik untuk membantu Malaysia mencapai agenda pembangunan melalui TA dan khidmat nasihat. Selain itu, melalui Institut Bank Pembangunan Asia, ADB menyediakan program pembangunan kapasiti untuk negara anggota menerusi seminar dan bengkel yang menyentuh pelbagai isu pembangunan dalam menggalakkan dasar monetari dan fiskal yang kukuh.

Keanggotaan Malaysia dalam IsDB saling memberi faedah kepada negara dan institusi tersebut, yang mana Malaysia dapat memanfaatkan rangkaian IsDB untuk mempromosi kemahiran dan kepakaran negara, terutamanya dalam Industri Halal dan Kewangan Islam. Kehadiran IsDB di negara ini ditunjukkan melalui penubuhan Pejabat Serantau di Kuala Lumpur yang telah beroperasi sejak 1994. Malaysia mengeksport kepakaran teknikal dalam bidang terpilih menerusi Program *Reverse Linkage* seperti program pembangunan kapasiti untuk pengeluaran minyak sawit antara Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA) dan Sierra Leone serta program pengeluaran beras di Suriname oleh MARDI Corporation.

Perkhidmatan yang ditawarkan oleh AIIB tertumpu kepada rantau Asia dengan penekanan diberikan kepada projek infrastruktur. Sebagai salah sebuah negara pengasas AIIB, terdapat potensi yang luas untuk Malaysia bekerjasama dengan AIIB ke arah membangunkan negara. Mesyuarat Tahunan AIIB 2019 di Luxembourg yang bertemakan *Cooperation and Connectivity* mencerminkan komitmen AIIB terhadap kerjasama ke arah rantau Eropah dan Asia yang lebih berhubung, terutamanya melalui sektor infrastruktur, pengangkutan dan tenaga yang dapat dimanfaatkan Malaysia pada masa hadapan.

Kesimpulan

Pada awalnya, Malaysia meraih manfaat melalui kemudahan pembiayaan yang disediakan oleh MDB, semasa negara mengorak langkah ke arah membangunkan tanah air. Sejak itu, Malaysia telah mencapai kemajuan dan kini, penyertaan dan penglibatan negara dengan MDB telah beralih kepada inisiatif khidmat nasihat serta pembangunan kapasiti.

Malaysia turut memanfaatkan perkongsian strategik dengan MDB untuk meningkatkan kapasiti negara melalui perkongsian pengetahuan dan kepakaran dengan negara anggota. Perkongsian strategik ini penting bagi merealisasikan visi negara ke arah mencapai status ekonomi maju dan berpendapatan tinggi.

Penglibatan Malaysia dalam MDB juga mencerminkan komitmen dan keprihatinan negara terhadap usaha antarabangsa dalam pembangunan serta kerjasama ekonomi, selaras dengan Agenda Pembangunan 2030 oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu. Penglibatan ini membuktikan iltizam Malaysia untuk membantu negara kurang membangun, selari dengan semangat kerjasama Selatan-Selatan. Memandangkan negara ASEAN juga merupakan ahli dalam kebanyakan MDB ini dan berdasarkan semangat memakmurkan jiran, Malaysia dapat memperkukuh kedudukan melalui perkongsian pengetahuan dan kepakaran untuk manfaat bersama di rantau ini.

KDNK Australia dijangka berkembang pada kadar lebih perlahan 2.1% pada 2019 terutamanya disebabkan oleh penggunaan swasta yang lebih rendah dan permintaan luaran yang lemah. Penggunaan swasta dianggarkan lebih rendah 2.4% walaupun potongan cukai diperkenalkan pada Julai 2019, disebabkan oleh hutang isi rumah yang lebih tinggi. Eksport dijangka menurun 3.3% berikutan pengurangan pengeluaran bijih besi dan arang batu akibat konflik perdagangan AS dan China. Kadar pengangguran dijangka bertambah baik 4.8% manakala inflasi mencatat 2% lanjutan penurunan harga minyak dan perubahan dasar kerajaan yang boleh menjejaskan harga elektrik.

KDNK Australia pada 2020 dijangka berkembang 2.8% (2019: 2.1%) disumbang oleh eksport dan pelaburan yang kukuh. Eksport dijangka meningkat 4.1% (2019: 3.3%) berikutan pengeluaran bijih besi dan arang batu yang kembali pulih serta peningkatan dalam barangan perkilangan, termasuk barangan perubatan dan farmaseutikal serta instrumen profesional dan saintifik. Selain itu, eksport perkhidmatan dijangka terus berkembang pada kadar yang stabil susulan pendaftaran masuk pelajar luar negara disokong oleh kadar pertukaran mata wang yang lebih rendah. Pelaburan perniagaan dianggarkan lebih tinggi 3.3% (2019: 2.5%) terutamanya disumbang oleh pelaburan perlombongan dan bukan perlombongan. Terdapat banyak projek infrastruktur swasta yang akan dilaksanakan, khususnya dalam sektor pengangkutan dan elektrik. Pelaburan dalam jentera dan peralatan serta perisian juga dijangka berkembang. Kadar pengangguran dijangka kekal 4.8% (2019: 4.8%), manakala inflasi mencatat 2.3% (2019: 2%).

Risiko ke bawah kepada ekonomi Australia masih berlarutan susulan ketegangan perdagangan yang berterusan dan sekatan terhadap pemindahan teknologi yang menghalang perkembangan inovasi. Selain itu, sektor perumahan yang terus mengalami kejatuhan harga melebihi tempoh setahun menyebabkan aktiviti pembinaan kediaman lemah dan menjejaskan pasaran buruh. Keadaan ini boleh menyebabkan pengurangan penggunaan swasta yang ketara dan seterusnya mengakibatkan keyakinan perniagaan dan pengguna rendah.

KDNK Republik Korea berkembang pada kadar lebih perlahan 1.9% dalam tempoh separuh pertama 2019 terutamanya disebabkan oleh eksport yang lembap dan pelaburan yang semakin lemah berikutan ketegangan perdagangan global. Eksport menguncup 0.7% khususnya disebabkan oleh permintaan yang berkurangan bagi elektronik dan semikonduktor dalam persekitaran ketegangan perdagangan AS dan China. Bank of Korea mengurangkan kadar faedah sebanyak 25 mata asas kepada 1.50% pada Julai 2019 untuk merancakkan ekonomi. Inflasi mencatat 0.6% disebabkan oleh langkah kerajaan untuk mengurangkan harga penjagaan kesihatan dan telekomunikasi manakala kadar pengangguran merekod 4%.

Ekonomi Korea dijangka berkembang lebih perlahan 2.6% pada 2019, terutamanya disebabkan oleh eksport yang lemah dan pelaburan yang berkurang. Eksport dijangka lebih lembap disebabkan oleh kesan pertikaian perdagangan dengan Jepun serta antara AS dan China. Jepun mengumumkan sekatan eksport ke Korea pada Julai 2019 bagi tiga bahan utama yang digunakan dalam pengeluaran semikonduktor dan skrin paparan. Sekatan ini diikuti dengan

keputusan Jepun untuk mengeluarkan Korea daripada senarai rakan dagangan dipercayai yang akan menjejaskan bekalan bahan yang penting dalam sektor pembuatan Korea. Pelaburan dijangka menguncup terutamanya dalam sektor pembinaan disebabkan oleh aktiviti pembinaan kediaman yang lebih perlahan. Walau bagaimanapun, penggunaan swasta dijangka kekal menggalakkan pada 2.5% susulan usaha kerajaan untuk meningkatkan upah minimum bagi golongan berpendapatan rendah sebanyak 10.9% dan seterusnya mengurangkan impak kelembapan ekonomi. Inflasi dijangka mencatat 1.4%, sebahagiannya disebabkan oleh harga minyak yang lebih rendah. Kadar pengangguran diunjur kekal 4%.

Pertumbuhan ekonomi Korea pada 2020 diunjur meningkat sedikit 2.8% (2019: 2.6%) didorong oleh langkah rangsangan fiskal. Kerajaan Korea telah memperkenalkan rangsangan fiskal berjumlah sekitar USD6 bilion pada April 2019 bertujuan mewujudkan pekerjaan, membiayai pengeksport tempatan dan menyokong usahawan. Inflasi dijangka mencatat 1.6% (2019: 1.4%), manakala kadar pengangguran berkurang sedikit 3.9% (2019: 4%). Peningkatan ketidaktentuan pertikaian perdagangan dengan Jepun, pengurangan permintaan luaran serta ketegangan perdagangan AS dan China berkemungkinan memberi ancaman kepada ekonomi Korea.

Ekonomi China mencatat pertumbuhan 6.3% dalam tempoh separuh pertama 2019 terutamanya disumbang oleh penggunaan swasta dan pelaburan dalam aset tetap yang kukuh. Penggunaan swasta meningkat 8.4% susulan potongan cukai isi rumah yang diperkenalkan pada 2018 memberikan pendapatan boleh guna yang lebih tinggi kepada pengguna. Pelaburan dalam aset tetap mencatat 5.8% terutamanya dalam industri berteknologi tinggi dan pengangkutan. Eksport meningkat 6.1% terutamanya bagi produk mekanikal dan elektrik. Inflasi mencatat 2.2% berikutan kenaikan harga buah-buahan dan daging khinzir disebabkan oleh kekurangan bekalan. Kadar pengangguran kekal 3.6%.

Pertumbuhan KDNK China dijangka menyederhana 6.2% pada 2019, sebahagiannya disebabkan oleh pelaburan yang lebih rendah dan ketegangan perdagangan yang semakin

meruncing dengan AS. Pelaburan hartanah diunjur lemah berikutan kemerosotan keyakinan pengguna dan langkah oleh kerajaan China untuk mengekang permintaan. Walau bagaimanapun, pelaburan infrastruktur dijangka kembali meningkat berikutan pertambahan kuota bagi bon terbitan khas serta kelonggaran peraturan dalam penerbitan bon syarikat dan kerajaan tempatan. Penggunaan swasta juga dijangka berkembang, sebahagiannya disumbang oleh pendapatan boleh guna yang semakin meningkat. Pembaharuan terhadap cukai pendapatan individu turut dilaksanakan termasuk menaikkan had pendapatan bercukai dan memperkenalkan potongan tambahan yang mengecualikan 99 juta rakyat China daripada membayar cukai individu. Kerajaan menurunkan cukai nilai tambah (VAT) pada April 2019 dengan sektor pembuatan mendapat manfaat terbesar daripada pengurangan cukai tersebut. Inflasi dijangka mencatat 2.2% manakala kadar pengangguran merekod 3.8%.

Pertumbuhan ekonomi China pada 2020 dijangka menyederhana 6% (2019: 6.2%) disebabkan oleh ketegangan perdagangan yang semakin meruncing. Inflasi dijangka mencatat 2.4% (2019: 2.2%) terutamanya disebabkan oleh kenaikan harga makanan segar manakala kadar pengangguran kekal 3.8% (2019: 3.8%). Ketegangan perdagangan yang semakin memuncak dengan AS merupakan risiko ke bawah yang utama terhadap ekonomi China. Risiko lain termasuk kesan daripada langkah kawalan pembiayaan dan aktiviti kewangan tidak sah oleh institusi pembiayaan yang tidak dikawal selia oleh People's Bank of China ke atas pelaburan swasta serta peningkatan dalam aktiviti mengurangkan keberhutangan korporat. Pengumuman AS berkenaan pelaksanaan tarif tambahan sebanyak 10% pada September 2019 ke atas baki USD300 bilion import China yang sebelum ini tidak termasuk dalam duti AS boleh memberi kesan negatif terhadap ekonomi China.

Pertumbuhan KDNK India menyederhana 5.4% dalam tempoh separuh pertama 2019 disebabkan oleh kelembapan sektor pertanian dan pembuatan. Sektor pertanian menurun 0.9%, sebahagian besarnya disebabkan oleh hasil penuaian tanaman utama yang berkurangan akibat kekurangan hujan, harga hasil pertanian

yang semakin menurun dan pertumbuhan mendatar bagi pendapatan petani untuk tanaman terpilih yang dituai secara berlebihan. Sektor pembuatan juga mencatat penurunan 1.9% berikutan kemerosotan pengeluaran perabot, kertas dan produk kertas serta produk logam yang direka. Inflasi seperti yang ditunjukkan oleh indeks harga borong mencatat 2.7% disebabkan oleh penurunan harga bawang, kentang dan buah-buahan.

Secara keseluruhan, KDNK India dijangka berkembang lebih baik 7% pada 2019 dipacu oleh penggunaan swasta yang lebih tinggi dan landskap pelaburan yang semakin baik didorong oleh pelaksanaan dasar terkini kerajaan. Penggunaan swasta dijangka meningkat berikutan skim sokongan pendapatan yang baharu diperkenalkan kepada golongan petani, Harga Sokongan Minimum (MSP) yang lebih tinggi untuk perolehan bijirin makanan oleh kerajaan, dan pelepasan cukai untuk pembayar cukai yang berpendapatan kurang daripada INR500,000 setahun. Kesemua langkah ini dijangka meningkatkan pendapatan isi rumah dan menggalakkan perbelanjaan pengguna. Pelaburan dijangka berkembang pesat berikutan pengurangan sekatan kredit ke atas syarikat kewangan bukan perbankan dan syarikat pembiayaan perumahan yang akan menggalakkan perbelanjaan pengguna bagi harta tanah kediaman dan barang keperluan. Inflasi dijangka lebih rendah disebabkan oleh penurunan harga minyak dan makanan.

Reserve Bank of India (RBI) mengurangkan kadar dasar repo utama sebanyak empat kali pada bulan Februari, April, Jun dan Ogos 2019 berjumlah 85 mata asas kepada 5.40%, kadar paling rendah sejak 2010. Pengurangan ini bertujuan menurunkan kadar pinjaman berasaskan kos marginal (MCLR) bagi menggalakkan pengguna dan perniagaan untuk mengambil pinjaman bank dalam usaha untuk meningkatkan pertumbuhan ekonomi yang lembap. Walaupun RBI telah mengurangkan kadar dasar repo utama namun bank komersial masih belum melaksanakan pengurangan MCLR sepenuhnya bagi memberi manfaat kepada pengguna dan perniagaan.

Pertumbuhan ekonomi India pada 2020 dijangka meningkat 7.2% (2019: 7%) berikutan penggunaan domestik yang kukuh dan pelaburan yang lebih tinggi. Rangsangan fiskal termasuk langkah baharu sokongan pendapatan kepada petani luar bandar dan pembaharuan struktur terkini dijangka meningkatkan lagi penggunaan swasta. Keadaan kewangan yang lebih baik berikutan kos pinjaman yang lebih rendah juga dijangka mendorong pelaburan. Sementara itu, defisit perdagangan dijangka meningkat berikutan eksport ke destinasi utama terutamanya AS dan China diunjur lebih lemah.

Pertumbuhan ekonomi India cenderung kepada risiko ke bawah. Permintaan global yang berkembang sederhana melebihi jangkaan dan ketegangan perdagangan yang semakin meruncing dijangka terus memberi kesan negatif kepada eksport negara. Selain itu, ketidakpastian rundingan Brexit menimbulkan risiko kepada India yang mempunyai Sistem Keutamaan Am (GSP) dengan EU dan eksport ke UK. Brexit tanpa perjanjian boleh memberi impak besar kepada eksport sekiranya tiada perjanjian perdagangan baharu antara UK dan India. Ketegangan konflik bersenjata antarabangsa yang kembali meruncing antara India dan Pakistan juga boleh meningkatkan ketidakpastian, melemahkan keyakinan dan menjejaskan pelaburan. Selain itu, pelaksanaan sistem Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) yang masih dalam proses pematapan mengakibatkan kekurangan dalam kutipan hasil kerajaan. Kenaikan harga minyak dan perubahan cuaca yang tidak menentu boleh menyebabkan tekanan inflasi dan seterusnya menjejaskan kadar pertumbuhan ekonomi.

Pertumbuhan ekonomi ASEAN menyederhana dalam tempoh separuh pertama 2019 terutamanya disebabkan oleh permintaan luaran yang lebih rendah. Secara keseluruhan, ekonomi ASEAN-5¹ dijangka berkembang 5% pada 2019 disokong oleh aktiviti perdagangan dan pelaburan infrastruktur awam yang kukuh. Ekonomi ASEAN-5 pada 2020 dijangka kekal stabil 5.3% (2019: 5%) didorong oleh penggunaan swasta, pelaburan dan eksport. Walau bagaimanapun, momentum pertumbuhan ekonomi rantau ini akan terjejas akibat ketegangan perdagangan yang semakin meningkat dan keadaan pasaran kewangan global yang tidak kondusif.

¹ ASEAN-5 terdiri daripada Filipina, Indonesia, Malaysia, Thailand dan Viet Nam.

Sisipan 2.2

Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik

Pengenalan

Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC) merupakan forum serantau yang terdiri daripada 21 ekonomi bertujuan meningkatkan kemakmuran melalui integrasi ekonomi dengan mencapai pertumbuhan ekonomi yang seimbang dan mampan. Selain itu, APEC bertujuan menggalakkan pertumbuhan ekonomi yang terangkum, inovatif dan terjamin di rantau APEC. Sebelum APEC ditubuhkan secara rasmi pada 1989 sebagai reaksi terhadap kesalingbergantungan yang semakin meningkat dalam kalangan ekonomi Asia Pasifik dan kemunculan blok perdagangan serantau lain, forum ini merupakan dialog tidak rasmi dalam kalangan pegawai kerajaan daripada 12 ekonomi¹. Pada masa ini, 21 ekonomi APEC mempunyai sekitar 2.9 bilion penduduk dan merupakan salah satu rantau ekonomi yang paling makmur. KDNK ekonomi APEC adalah seperti di Jadual 2.2.1.

Jadual 2.2.1. KDNK Ekonomi APEC pada 2018

Ekonomi	Tarikh Penyertaan	Perubahan (%)
Australia	November 1989	2.8
Brunei Darussalam	November 1989	-0.2
Kanada	November 1989	1.8
Indonesia	November 1989	5.2
Jepun	November 1989	0.8
Republik Korea	November 1989	2.7
Malaysia	November 1989	4.7
New Zealand	November 1989	3.0
Filipina	November 1989	6.2
Singapura	November 1989	3.2
Thailand	November 1989	4.1
Amerika Syarikat	November 1989	2.9
Chinese Taipei	November 1991	2.6
Hong Kong, China	November 1991	3.0
China	November 1991	6.6
Mexico	November 1993	2.0
Papua New Guinea	November 1993	0.3
Chile	November 1994	4.0
Peru	November 1998	4.0
Russia	November 1998	2.3
Viet Nam	November 1998	7.1

Sumber: Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik dan Tabung Kewangan Antarabangsa.

Pada 2017, rantau APEC terdiri daripada 38% jumlah penduduk dunia, yang mana China mewakili sebanyak 18%, diikuti oleh AS 4% dan Indonesia 4%. KDNK APEC pada 2017 berjumlah USD48 trilion, iaitu 60% daripada KDNK global. Gabungan KDNK AS dan China berjumlah 67% daripada KDNK rantau ini dan 40% daripada KDNK global.

¹ Amerika Syarikat, Australia, Brunei Darussalam, Filipina, Indonesia, Jepun, Kanada, Malaysia, New Zealand, Republik Korea, Singapura dan Thailand.

APEC sebagai Forum Ekonomi dan Perdagangan Serantau

APEC merupakan forum ekonomi dan perdagangan serantau yang komited untuk mengurangkan halangan perdagangan dan pelaburan. Terdapat pelbagai forum, mesyuarat kumpulan kerja dan program pembangunan kapasiti anjuran APEC sepanjang tahun, yang memberi peluang kepada wakil semua ekonomi membangun mempelajari kemahiran baharu dan amalan terbaik daripada ekonomi lain. Objektif utama APEC seperti berikut:

- memperkukuh kerjasama ekonomi dan teknikal dalam kalangan ekonomi APEC;
- menggalakkan integrasi ekonomi serantau;
- menggalakkan perdagangan dan pelaburan yang bebas serta terbuka;
- mempertingkatkan keselamatan manusia; dan
- memudahcara persekitaran perniagaan yang baik dan mampan.

APEC mendukung tiga prinsip asas iaitu keputusan berasaskan persetujuan bersama, komitmen tidak mengikat dan penyertaan secara sukarela dalam inisiatif APEC. Selain itu, APEC turut menerima secara rasmi penglibatan sektor swasta dan entiti perniagaan menerusi APEC Business Advisory Council (ABAC) yang ditubuhkan oleh Pemimpin Ekonomi APEC pada November 1995. Penubuhan ABAC bertujuan mengusul cadangan dan mengemukakan maklum balas berkaitan isu perniagaan yang dibangkitkan menerusi pelbagai forum APEC serta menyalurkan perspektif perniagaan dalam bidang kerjasama yang khusus.

Salah satu inisiatif utama APEC ialah *Bogor Goals* yang dipersetujui oleh ekonomi APEC semasa mesyuarat di Indonesia pada 1994. *Bogor Goals* bermatlamat membantu ekonomi APEC menuju ke arah perdagangan dan pelaburan yang bebas serta terbuka di rantau Asia Pasifik bagi ekonomi maju menjelang 2010 dan ekonomi membangun menjelang 2020. Sebagai tuan rumah APEC 2020, Malaysia akan bekerjasama dengan ekonomi APEC lain untuk menentukan visi dan hala tuju APEC pasca 2020 memandangkan *Bogor Goals* bakal berakhir pada 2020.

Proses Menteri Kewangan APEC

Ekonomi APEC bersidang sepanjang tahun di peringkat menteri dan pegawai kanan untuk berkongsi pengalaman dan amalan terbaik dalam sektor perdagangan, pertanian, pengangkutan, kesihatan, komunikasi dan kewangan. Proses Menteri Kewangan APEC (APEC FMP) merupakan platform untuk berbincang dan bertukar pandangan mengenai perkembangan makroekonomi dan kewangan serantau serta keutamaan dasar negara dan serantau. Terdapat tiga mesyuarat tahunan di bawah APEC FMP seperti berikut:

- Mesyuarat Menteri-Menteri Kewangan APEC (APEC FMM);
- Mesyuarat Timbalan Kewangan dan Bank Pusat APEC (APEC FCBDM); dan
- Mesyuarat Pegawai Kanan Kewangan APEC (APEC SFOM).

Filipina telah memperkenalkan Pelan Tindakan Cebu (CAP) pada 2015 bagi meningkatkan kerjasama di bawah APEC FMP. CAP merupakan pelan tindakan 10 tahun untuk memastikan komuniti APEC yang lebih bersepadu, telus, berdaya tahan dan mampan dari segi kewangan dengan berpaksikan empat tonggak utama seperti berikut:

- Menggalakkan integrasi kewangan;
- Meningkatkan ketelusan fiskal dan pembaharuan dasar;
- Memperkukuh daya tahan kewangan; dan
- Merencanakan pembangunan dan pembiayaan infrastruktur.

Tema APEC dan bidang keutamaan APEC FMP berada di bawah tanggungjawab hos ekonomi. Penetapan tema dan bidang keutamaan ini ditentukan dengan mengambil kira pelbagai faktor seperti kepentingan tema dan bidang keutamaan bagi hos ekonomi, perbincangan semasa di peringkat global dan rantau APEC serta bidang keutamaan hos terdahulu. Senarai tema dan keutamaan APEC FMP oleh hos ekonomi dari 2015 – 2019 ialah seperti di Jadual 2.2.2.

Jadual 2.2.2. Tema APEC dan Bidang Keutamaan APEC FMP (2015 – 2019)

Bil.	Tahun	Hos Ekonomi	Tema	Bidang Keutamaan APEC FMP
1.	2015	Filipina	<i>Building Inclusive Economies, Building a Better World</i>	<u>Cebu Action Plan</u> ▪ Promoting Financial Integration ▪ Advancing Fiscal Reforms and Transparency ▪ Enhancing Financial Resilience ▪ Accelerating Infrastructure Development and Financing
2.	2016	Peru	<i>Strengthening Public Policy for an Integrated and Resilient Asia-Pacific Region</i>	▪ Promoting the Development of the Public-Private Partnership Knowledge Portal ▪ Strengthening Financial Inclusion Policies ▪ Enhancing Financial Resilience Against Disasters
3.	2017	Viet Nam	<i>Creating New Dynamism, Fostering a Shared Future</i>	▪ Long Term Investment in Infrastructure ▪ Base Erosion and Profit Shifting ▪ Disaster Risk Financing and Insurance ▪ Financial Inclusion
4.	2018	Papua New Guinea	<i>Harnessing Inclusive Opportunities, Embracing the Digital Future</i>	▪ Accelerating Infrastructure Development and Financing ▪ Advancing Financial Inclusion ▪ Fostering International Tax Cooperation and Transparency ▪ Disaster Risk Financing and Insurance
5.	2019	Chile	<i>Connecting People, Building the Future</i>	▪ Boosting Integration on Financial Markets Through Digital Economy ▪ Financial Inclusion: Closing the Gap Through Digitisation ▪ Financial Management of Disaster Risks: Mitigation and Resilience

Sumber: Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik.

Kesimpulan

APEC kekal sebagai sebuah platform bagi ekonomi APEC untuk bertukar pandangan dan amalan terbaik. Sebagai satu forum sukarela, ekonomi APEC boleh memanfaatkan platform ini untuk mengukuhkan ekonomi setiap anggota melalui usaha sama bagi menghasilkan lebih banyak faedah yang nyata. Ekonomi APEC juga perlu berusaha untuk mewujudkan komuniti APEC yang berdaya tahan dan terangkum ke arah pertumbuhan mampan dengan menumpukan pengurusan risiko bencana serta memastikan supaya golongan terpinggir tidak terus ketinggalan dalam perubahan persekitaran ekonomi yang pantas.

Mengambil kira fasa penilaian akhir *Bogor Goals* pada 2020, ekonomi APEC perlu menilai semula dan menentukur keutamaannya untuk membangunkan visi baharu APEC. Visi baharu ini harus mendukung peranan utama APEC dalam menggalakkan integrasi dan kesalinghubungan dalam kalangan ekonomi APEC. Selain itu, APEC menggalakkan pertumbuhan berkualiti yang terangkum dan mampan dalam era teknologi dan digital bagi mengurangkan jurang pembangunan dalam kalangan ekonomi APEC.

KDNK Indonesia meningkat 5.1% dalam tempoh separuh pertama 2019 disokong oleh penggunaan awam dan swasta yang lebih tinggi. Penggunaan awam berkembang 6.7% didorong oleh perbelanjaan pilihan raya umum dan kenaikan emolumen kepada penjawat awam berikutan pemberian bonus Aidilfitri. Pertumbuhan penggunaan isi rumah kekal 5.1% disumbang oleh perbelanjaan yang lebih tinggi sempena perayaan Aidilfitri. Sementara itu, pelaburan berkembang lebih perlahan 5% disebabkan oleh jualan yang lebih rendah bagi barangan modal seperti kenderaan dan produk harta intelek. Selain itu, eksport menguncup 1.8% berikutan harga barangan komoditi yang lebih rendah. Inflasi mencatat 2.9% berikutan pelaksanaan langkah kawalan inflasi nasional dari 2019 hingga 2022.

Secara keseluruhan, pertumbuhan ekonomi Indonesia pada 2019 diunjur berkembang antara 5.4% dan 5.8% dipacu oleh permintaan domestik. Penggunaan swasta dijangka kekal stabil berikutan kenaikan upah dalam persekitaran pasaran buruh yang kukuh. Pelaburan awam dijangka meningkat disokong oleh pelaburan kerajaan yang lebih tinggi dalam pembangunan infrastruktur termasuk pembinaan semula infrastruktur pascabencana. Selain itu, perbelanjaan kerajaan dijangka meningkat berikutan pembayaran bonus sebulan gaji kepada penjawat awam pada bulan Julai yang turut diterima pesara. Inflasi dijangka mencatat 3.1% kesan daripada langkah kawalan inflasi nasional manakala kadar pengangguran kekal 5.2%.

KDNK Indonesia pada 2020 dijangka berkembang antara 5.3% dan 5.6% (2019: 5.4% - 5.8%) disokong oleh penggunaan swasta dan pelaburan yang lebih tinggi. Perbelanjaan pengguna diunjur meningkat sedikit 5.2% (2019: 5.1%), manakala pelaburan berkembang 7.5% (2019: 7%). Walau bagaimanapun, ketegangan perdagangan antara AS dan China dijangka memberi kesan negatif kepada eksport Indonesia. Inflasi dijangka kekal pada 3.1% (2019: 3.1%). Permintaan global yang semakin berkurangan dan ketegangan perdagangan yang semakin meruncing juga boleh menjejaskan ekonomi Indonesia, justeru memerlukan tempoh pelaksanaan pembaharuan yang lebih panjang untuk merangsang sektor pembuatan, meningkatkan eksport dan menyediakan peluang pekerjaan.

Pertumbuhan KDNK Thailand dalam tempoh separuh pertama 2019 berkembang dengan kadar lebih perlahan 2.6% disebabkan oleh kelembapan pelaburan awam dan eksport. Pelaburan awam menurun 0.6% berikutan kelewatan pelaksanaan projek berskala besar pelbagai peringkat disebabkan oleh penangguhan pembentukan jemaah menteri. Pertumbuhan eksport juga merudum 6.1%, terutamanya bagi perkakasan dan komponen komputer serta litar elektrik bersepadu. Inflasi merekod 0.7% disebabkan oleh harga tenaga yang lebih rendah manakala kadar pengangguran mencatat 0.9%.

Pertumbuhan Ekonomi Thailand pada 2019 dijangka berkembang perlahan 3.3% berikutan kelembapan pelaburan swasta dan eksport. Pelaburan swasta dijangka berkembang lebih perlahan 3.7% dalam persekitaran ketidakpastian politik dan pasaran dunia. Selain itu, eksport juga dijangka menguncup 0.7% terutamanya bagi komputer dan peranti persisian serta produk berasaskan getah berikutan permintaan dunia yang lebih rendah dalam persekitaran ketegangan perdagangan antara AS dan China. Inflasi dijangka mencatat antara 0.7% dan 1.2%, manakala kadar pengangguran merekod antara 1.1% dan 1.2%.

KDNK Thailand dijangka meningkat 3.7% pada 2020 (2019: 3.3%) disokong oleh pelaburan dan perbelanjaan awam yang lebih tinggi. Pelaburan awam dan swasta dijangka berkembang 7.2% dan 5.5% (2019: 3.8%; 3.7%) disumbang oleh projek infrastruktur berskala besar. Penggunaan awam dijangka meningkat 2.6% (2019: 2.2%) berikutan rangsangan ekonomi kerajaan untuk menyokong petani dan golongan berpendapatan rendah. Inflasi dijangka merekod 1.1% (2019: 0.7% - 1.2%), manakala kadar pengangguran mencatat 1.5% (2019: 1.1% - 1.2%). Ekonomi Thailand dijangka mendapat manfaat berikutan penempatan semula rantai bekalan disebabkan oleh perlindungan perdagangan dan peluang eksport dalam industri daging khinzir susulan penularan wabak selesema babi Afrika, terutamanya di Viet Nam. Walaupun dijangka mendapat manfaat, Thailand akan menghadapi cabaran seperti perubahan teknologi dan masyarakat menua.

Pertumbuhan KDNK Singapura berkembang perlahan 0.6% dalam tempoh separuh pertama 2019 disebabkan oleh kelembapan pertumbuhan

dalam sektor barangan dan perkhidmatan. Sektor barangan merosot 1.1% disebabkan oleh kelembapan dalam subsektor pembuatan, berikutan output yang lebih rendah dalam kluster elektronik, kejuruteraan pengangkutan, dan kejuruteraan ketepatan. Sektor perkhidmatan juga menyederhana 1.2% berikutan pertumbuhan lebih perlahan dalam subsektor kewangan dan insurans serta perkhidmatan perniagaan. Kadar pengangguran meningkat sedikit kepada 2.2% berikutan penawaran pekerjaan yang lebih rendah terutamanya dalam subsektor pembuatan. Inflasi meningkat kepada 0.6% terutamanya disebabkan oleh kenaikan harga makanan, minuman dan yuran pembelajaran.

Pertumbuhan ekonomi Singapura dijangka berkembang sederhana antara 0% dan 1% pada 2019 disebabkan oleh pertumbuhan sektor barangan dan perkhidmatan yang lebih lemah. Sektor barangan dijangka menguncup berikutan penurunan dalam subsektor pembuatan, terutamanya kluster elektronik, kejuruteraan pengangkutan, dan kejuruteraan ketepatan. Selain itu, pertumbuhan sektor perkhidmatan dijangka perlahan, terutamanya subsektor perdagangan borong dan runcit, maklumat dan komunikasi, serta kewangan dan insurans. Walau bagaimanapun, subsektor pembinaan dijangka bertambah baik berikutan peningkatan perbelanjaan awam dalam projek infrastruktur termasuk pembinaan Koridor Utara-Selatan sepanjang 21.5km. Inflasi dijangka merekod antara 0.5% dan 1.5% disebabkan oleh peningkatan kos pengangkutan persendirian. Selain itu, kadar pengangguran dijangka lebih rendah 2% berikutan pemberian subsidi kerajaan untuk latihan bagi mengurangkan ketidakpadanan kemahiran serta insentif bagi pekerja kurang mahir untuk kekal dalam pekerjaan.

KDNK Singapura pada 2020 dijangka berkembang 1.6% (2019: 0% – 1%) dipacu oleh sektor perkhidmatan. Sektor perkhidmatan dijangka kembali meningkat terutamanya dalam subsektor maklumat dan komunikasi serta kewangan dan insurans. Walau bagaimanapun, pertumbuhan subsektor pembuatan diunjur lebih menyederhana dalam persekitaran kelembapan permintaan global disebabkan oleh kenaikan tarif oleh AS dan China. Inflasi dijangka merekod 1.3% (2019: 0.5% – 1.5%) manakala kadar pengangguran kekal 2% (2019: 2%).

Keadaan kewangan global yang semakin ketat boleh menggugat prospek pertumbuhan Singapura. Selain itu, kebimbangan terhadap perlindungan perdagangan global yang semakin meruncing terus mendominasi senarai risiko ke bawah Singapura.

Ekonomi Filipina berkembang dengan kadar lebih perlahan 5.6% dalam tempoh separuh pertama 2019 terutamanya disebabkan oleh perbelanjaan kerajaan, pelaburan dan eksport yang lebih rendah. Perbelanjaan kerajaan berkurang 7.2% disebabkan oleh kelewatan dalam mendapatkan kelulusan Bajet Nasional 2019 dan larangan berkaitan pilihan raya dari 29 Mac hingga 12 Mei 2019. Larangan ini termasuk pelantikan pekerja baharu, pemberian kenaikan gaji, pembinaan infrastruktur awam dan pengeluaran, pengagihan atau perbelanjaan dana awam. Pelaburan menguncup 0.3% disebabkan oleh tahap keyakinan pelabur yang rendah berikutan pengurangan insentif cukai. Selain itu, eksport berkurang 5.1%, terutamanya disebabkan oleh perdagangan dan aktiviti ekonomi global yang lembap. Inflasi mencatat 3.4% disumbang oleh harga makanan yang lebih rendah berikutan pemansuhan tarif import bagi beras. Kadar pengangguran bertambah baik kepada 5.2% berikutan pewujudan pekerjaan baharu, terutamanya dalam sektor perkhidmatan.

KDNK Filipina dijangka berkembang 6.4% pada 2019 disokong oleh perbelanjaan swasta dan pelaburan yang lebih tinggi. Perbelanjaan swasta dijangka bertambah baik berikutan peningkatan penghantaran wang susulan pertambahan peluang pekerjaan termasuk di Jepun, Jerman dan Poland untuk warga Filipina. Pelaburan awam dijangka meningkat berikutan projek pembinaan yang sedang dilaksanakan, terutamanya pembinaan projek kereta api bawah tanah *Manila Subway* di Metro Manila. Inflasi diunjur merekod 2.7% disebabkan oleh harga makanan yang lebih rendah manakala kadar pengangguran mencatat 5.5%.

Pertumbuhan ekonomi Filipina dijangka bertambah baik 6.5% (2019: 6.4%) pada 2020 dipacu oleh pelaburan yang kukuh. Pelaburan dijangka terus menyokong pertumbuhan ekonomi, terutamanya dalam infrastruktur seperti pembinaan jambatan, lebuh raya, pelabuhan dan laluan kereta api. Inflasi dijangka mencatat 3% (2019: 2.7%) disebabkan

oleh tambang pengangkutan yang lebih tinggi terutama perkhidmatan *jeepney*. Ekonomi Filipina dijangka menghadapi cabaran luaran termasuk ketegangan perdagangan yang semakin meruncing antara AS dan China yang berkemungkinan mengurangkan permintaan ke atas eksport Filipina.

Kesimpulan

Ekonomi global dijangka kekal sederhana disokong oleh permintaan domestik yang kukuh dalam EMDE. Walau bagaimanapun, pertumbuhan ekonomi maju dijangka terus

berkembang perlahan, terutamanya disebabkan oleh dasar sekatan perdagangan yang berterusan. Risiko ke bawah kekal sebagai ancaman kepada pertumbuhan ekonomi dunia. Risiko ini termasuk ketegangan perdagangan antara AS dan China yang kembali meruncing serta peluasan kenaikan tarif kepada negara lain akan terus menggugat permintaan global. Selain itu, pendedahan kepada pasaran kewangan mudah terjejas disebabkan oleh kadar faedah rendah yang berpanjangan boleh menjejaskan pertumbuhan ekonomi. Ketegangan geopolitik yang semakin memuncak, kesan perubahan iklim dan gangguan teknologi juga akan memberi kesan negatif ke atas ekonomi global.

Rujukan

- APEC at 30: A Region in Constant Change. Dicapai daripada <https://www.apec.org/Publications/2019/05/APEC-Regional-Trends-Analysis---APEC-at-30>
- APEC in Charts 2018. Dicapai daripada https://www.apec.org/-/media/APEC/Publications/2018/11/APEC-in-Charts/APEC_in_Chart_2018.pdf
- ASEAN Economic Integration Brief. (2019). Dicapai daripada https://asean.org/storage/2019/06/AEIB_5th_Issue_Released.pdf
- Australia Bureau of Statistics. (2019). *Australian National Accounts: National Income, Expenditure and Product*. Dicapai daripada <https://www.abs.gov.au/ausstats/abs@.nsf/0/52AFA5FD696482CACA25768D0021E2C7?OpenDocument>
- Australia Bureau of Statistics. (2019). *Consumer Price Index, Australia*. Dicapai daripada <https://www.abs.gov.au/ausstats/5Cabs@.nsf/mediareleasesbyCatalogue/902A92E190C24630CA2573220079CCD9?OpenDocument>
- Australia Bureau of Statistics. (2019). *Labor Force, Australia*. Dicapai daripada <https://www.abs.gov.au/ausstats/abs@.nsf/mf/6202.0>
- Bank Dunia. (2019). Dicapai daripada <https://www.worldbank.org/>
- Bank Dunia. (2019). *Japan at a Glance*. Dicapai daripada <https://www.worldbank.org/en/country/japan>
- Bank Dunia. (2019). *World Bank in China*. Dicapai daripada <https://www.worldbank.org/en/country/china>
- Bank Indonesia. (2019). *Inflation Report*. Dicapai daripada <https://www.bi.go.id/en/moneter/inflasi/data/Default.aspx>
- Bank of Japan. (2019). Dicapai daripada <https://www.boj.or.jp/en/index.htm/>
- Bank of Korea. (2019). Dicapai daripada <https://www.bok.or.kr/eng/main/main.do>
- Bank of England. (2019). *Monetary Policy Committee: Inflation Report - August 2019*. Dicapai daripada <https://www.bankofengland.co.uk/inflation-report/2019/august-2019>
- Bank of Thailand. (2019). *Inflation*. Dicapai daripada <https://www.bot.or.th/English/MonetaryPolicy/MonetPolicyComittee/MPR/Pages/default.aspx>
- Bank Pelaburan Infrastruktur Asia (AIIB). (2019). Dicapai daripada <https://www.aiib.org/en/index.html>
- Bank Pembangunan Asia (ADB). (2019). Dicapai daripada <https://www.adb.org/>
- Bank Pembangunan Islam (IsDB). (2019). Dicapai daripada <https://www.isdb.org/>
- Baschuk, B. (2019, April 2). *Tariff War Will Hammer Global Trade Growth This Year, WTO Says*. Dicapai daripada <https://www.bloomberg.com/news/articles>
- Boettcher, B., Heymann, E., Moebert, J., Becker, S., & Schneider, S. (2019). *Exports and Autos Weigh Heavily On The German Economy In 2019*. Dicapai daripada https://www.dbresearch.com/PROD/RPS_EN-PROD/PROD000000000490429/Exports_and_autos_weigh_heavily_on_the_German_econ.PDF
- Bureau of Economic Analysis, Washington: US Department of Commerce. (2019). *News Release, 29 August 2019: Gross Domestic Product: Second Quarter 2019 (Second Estimates)*. Dicapai daripada <https://www.bea.gov>
- Bureau of Labor Statistics, Washington: US Department of Labor. (2019). *Press Release, 12 September 2019: Consumer Price Index – August 2019*. Dicapai daripada <http://www.bls.gov>
- Bureau of Labor Statistics, Washington: US Department of Labor. (2019). *Press Release, 6 September 2019: The Employment Situation – August 2019*. Dicapai daripada <http://www.bls.gov>

- Central Bank of Philippines. (2019). Inflation. Dicapai daripada http://www.bsp.gov.ph/publications/regular_inflation.asp
- China Growth To Slow To 2 Per Cent Over Next Decade As Structural Issues Take Hold, Research Firm Says. (2019). Dicapai daripada <https://www.scmp.com/economy/china-economy/article/2188567/china-growth-slow-2-cent-over-next-decade-structural-issues>
- China's Structural Slowdown and Its Changing Business Landscape. Dicapai daripada <https://thinkers50.com/blog/chinas-structural-slowdown-and-its-changing-business-landscape/>
- COMCEC Coordination Office. (2019). COMCEC Financial Working Group: Themes for 2020-2022.
- COMCEC Coordination Office. (2012). COMCEC Strategy: Making Cooperation Work for Building an Interdependent Islamic World Report.
- Department of Statistics, Singapore. (2019). Consumer Price Index (2019) CPI For August 2019. Dicapai daripada <https://www.singstat.gov.sg/>
- Department of Statistics, Singapore. Data and News. (2019). Dicapai daripada <https://www.singstat.gov.sg/>
- EBF Spring Outlook in Euro Area Economy 2019-2020. Dicapai daripada <https://www.ebf.eu/economy/ebf-spring-outlook-in-euro-area-economy-2019-2020/>
- Economic Intelligence Center. (2019). Thailand's Growth in Q1 2019. Dicapai daripada <https://www.scbeic.com/en/detail/product/6030>
- European Central Bank (ECB). Dicapai daripada <https://www.ecb.europa.eu/home/html/index.en.html>
- European Commission, Country Report France 2019 Including an In-Depth Review On The Prevention And Correction Of Macroeconomic Imbalances. (2019). Dicapai daripada https://ec.europa.eu/info/sites/info/files/file_import/2019-european-semester-country-report-france_en.pdf
- European Commission Summer 2019 Economic Forecast. Dicapai daripada https://europa.eu/rapid/press-release_IP-19-3850_en.htm
- Eurostats. (2019). Dicapai daripada <https://ec.europa.eu/eurostat/news/news-releases>
- Focus Economics- Snapshot for the Euro Area. Dicapai daripada <https://www.focus-economics.com/regions/euro-area>
- France National Institute of Statistics and Economic Studies (Insee). (2019). Dicapai daripada <https://insee.fr/en/accueil>
- General Ministry of Economic Affairs and Energy, Germany. (2019). A Franco-German Manifesto for a 21st Century European Industrial Policy. Dicapai daripada <https://www.bmwi.de/Redaktion/DE/Downloads/F/franco-german-manifesto-for-a-european-industrial-policy.html>
- Germany Federal Statistical Office (Destatis). (2019). Dicapai daripada https://www.destatis.de/SiteGlobals/Forms/Suche/Presse/EN/Pressesuche_Formular.html?gtp=350792_list%253D2
- Germany Trade and Invest (GTAI). (2018). The Automotive Industry in Germany (Issue 2018/2019). Dicapai daripada https://www.gtai.de/GTAI/Content/EN/Invest/_SharedDocs/Downloads/GTAI/Industry-overviews/industry-overview-automotive-industry-en.pdf
- Gouvernement.fr. (2019). Government Action (PACTE, the Action Plan for Business Growth and Transformation; Labour Law Reform; Apprenticeship, Vocational Training And Unemployment Insurance Reforms. Dicapai daripada <https://www.gouvernement.fr/en/pacte-the-action-plan-for-business-growth-and-transformation>
- Heymann, E. (2019). German Auto Industry - WLTp Followed By Lacklustre Demand. Dicapai daripada https://www.dbresearch.com/PROD/RPS_EN-PROD/PROD0000000000489273.pdf

- Highlights of the Draft FY2019 Budget. (2018). Dicapai daripada <https://www.mof.go.jp/english/budget/budget/fy2019/01.pdf>
- Investopedia. (2019). Multilateral Development Bank (MDB). Dicapai daripada https://www.investopedia.com/terms/m/multilateral_development_bank.asp
- Japan Cabinet Office. (2019). Dicapai daripada <https://www.cao.go.jp/index-e.html>
- Jawatankuasa Tetap Kerjasama Ekonomi dan Perdagangan (COMCEC). (2017). Dicapai daripada <http://www.comcec.org/en/pcm/>
- Jawatankuasa Tetap Kerjasama Ekonomi dan Perdagangan (COMCEC). (2019). Dicapai daripada <http://www.comcec.org/en/>
- Law, T. (2013). Major Problems Faced by APEC Since Formation. Dicapai daripada <https://www.lawteacher.net/free-law-essays/international-law/major-problems-faced-by-apec-since-formation-international-law-essay.php?vref=1>
- Lemerle, M., & Benz, A. (2019). New CO2 Emission Regulations In Europe: A Perfect Storm For Car Manufacturers? Dicapai daripada https://www.eulerhermes.com/content/dam/onemarketing/euh/eulerhermes_com/erd/publications/pdf/20190524-TheView-CarRegulation.pdf
- Ministry of Commerce China. (2019). Dicapai daripada english.mofcom.gov.cn
- Ministry of Commerce and Industry, Office of the Economic Adviser. (2019). Wholesale Price Index Press Release Archive. Retrieved from https://eaindustry.nic.in/wpi_press_release_archive.asp
- Ministry of Economic and Finance. (2019). Dicapai daripada <https://english.moef.go.kr>
- Ministry of Economy, Trade and Industry. (2019). Dicapai daripada <https://www.meti.go.jp/english>
- Ministry of Finance Japan. (2019). Dicapai daripada <https://www.mof.go.jp/english>
- Ministry of Statistics and Programme Implementation. (2019). Press Note on Estimates of Gross Domestic Product for the First Quarter (April – June) 2019-2020. Retrieved from http://www.mospi.gov.in/sites/default/files/press_release/PRESS_NOTE-Q1_2019-20-30.8.19.pdf
- Ministry of Statistics and Programme Implementation. (2019). Press Note on Provisional Estimates of Annual National Income, 2018-19 and Quarterly Estimates of Gross Domestic Product for the Fourth Quarter (Q4) Of 2018-19. Retrieved from http://www.mospi.gov.in/sites/default/files/press_release/Press%20Note%20PE%202018-19-31.5.2019-Final.pdf
- Ministry of Trade, Industry and Energy. (2019). Dicapai daripada <http://english.motie.go.kr/www/main.do>
- Ministry of Trade and Industry Singapore. (2019). Economic Survey of Singapore Second Quarter 2019. Dicapai daripada <https://www.mti.gov.sg/ess2q19>
- National Bureau of Statistics of China. (2019). Dicapai daripada <http://www.stats.gov.cn/english/>
- OECD Economic Outlook. (2019). Dicapai daripada https://www.oecd-ilibrary.org/economics/oecd-economic-outlook-volume-2019-issue-1_b2e897b0-en
- Office for Budget Responsibility. (2019). Office for Budget Responsibility: Economic and Fiscal Outlook. Dicapai daripada <https://obr.uk/download/economic-and-fiscal-outlook-march-2019/>
- Office of the National Economic and Social Development Board, Philippines. (2019). Gross Domestic Product: Q2/2019 Report. Dicapai daripada https://www.nesdb.go.th/nesdb_en/ewt_news.php?nid=4381&filename=index
- Office for National Statistics. (2019). Consumer Price Inflation, UK: August 2019. Dicapai daripada <https://www.ons.gov.uk/economy/inflationandpriceindices/bulletins/consumerpriceinflation/august2019>

- Office for National Statistics. (2019). *GDP Quarterly National Accounts, UK: April to June 2019*. Dicapai daripada <https://www.ons.gov.uk/economy/grossdomesticproductgdp/bulletins/gdpfirstquarterlyestimateuk/apriltojune2019>
- Office for National Statistics. (2019). *Labour Market Overview, UK: August 2019*. Dicapai daripada <https://www.ons.gov.uk/employmentandlabourmarket/peopleinwork/employmentandemployeetypes/bulletins/uklabourmarket/august2019>
- Organisation for Economic Co-operation and Development. (2019). *OECD Economic Outlook: United Kingdom*. Dicapai daripada <http://www.oecd.org/economy/united-kingdom-economic-snapshot/>
- Philippines Statistics Authority. (2019). *Press Release*. Dicapai daripada <https://www.psa.gov.ph>
- PricewaterhouseCoopers. (2019). *France Corporate - Taxes on Corporate Income*. Dicapai daripada <http://taxsummaries.pwc.com/ID/France-Corporate-Taxes-on-corporate-income>
- Reserve Bank of Australia. (2019). *Statement on Monetary Policy*. Dicapai daripada <https://www.rba.gov.au/publications/smp/2019/aug/>
- Reserve Bank of India (2018). *Minutes of the Monetary Policy Committee Meeting June 3, 4 and 6, 2019 [Under Section 45ZL of the Reserve Bank of India Act, 1934]*. Retrieved from <https://rbidocs.rbi.org.in/rdocs/Press-Release/PDFs/PR3001D99C9154FF7E47169D-B3EE95D3508F80.PDF>
- Reserve Bank of India. (2018). *Minutes of the Monetary Policy Committee Meeting August 5-7, 2019 [Under Section 45ZL of the Reserve Bank of India Act, 1934]*. Retrieved from <https://rbidocs.rbi.org.in/rdocs/PressRelease/PDFs/PR4890722D5DB96CB4BDB949DFFB63225A877.PDF>
- Singapore Business Review - MTI downgrades 2019 GDP growth forecast to 0.0-1.0%. (2019). Dicapai daripada <https://sbr.com.sg/economy/in-focus/mti-downgrades-2019-gdp-growth-forecast-00-10>
- Slowdown In The People's Republic Of China : Structural Factors and the Implications for Asia. (2018). ADB Institute. Dicapai daripada <https://www.adb.org/sites/default/files/publication/407726/adbi-slowdown-prc-structural-factors-and-implications-asia.pdf>
- Standing Committee for Economic and Commercial Cooperation (COMCEC). (2019). Dicapai daripada <http://www.comcec.org/en/>
- Standing Committee for Economic and Commercial Cooperation (COMCEC). (2017). Dicapai daripada <http://www.comcec.org/en/pcm/>
- Statistics Indonesia. (2019). *Data and News*. Dicapai daripada <https://www.bps.go.id/>
- Statistics Indonesia. *Economic Growth of Indonesia Second Quarter 2019*. (2019). Dicapai daripada <https://www.bps.go.id/pressrelease/2019/08/05/1621/ekonomi-indonesia-triwulan-ii-2019-tumbuh-5-05-persen.html>
- Suruhanjaya Sekuriti Malaysia dan Pejabat Penyelarasan COMCEC. *Islamic Capital Market Capacity Building Programme: Workshop Report and Recommendations*. (2015).
- Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF). (2019). Dicapai daripada <https://www.imf.org/external/index.htm>
- Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF). (2019). *IMF Country Focus. Five Charts on France's Economic Outlook*. Dicapai daripada <https://www.imf.org/en/Publications/CR/Issues/2019/07/24/France-2019-Article-IV-Consultation-Press-Release-Staff-Report-and-Statement-by-the-48523>
- Tabung Kewangan Antarabangsa. (2019). *IMF Data Mapper: Laman rasmi*. Dicapai daripada www.imf.org/external/datamapper/
- Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF). (2019). *IMF Staff Country Report. France : 2019 Article IV Consultation*. Dicapai daripada <https://www.imf.org/en/Publications/CR/Issues/2019/07/24/France-2019-Article-IV-Consultation-Press-Release-Staff-Report-and-Statement-by-the-48523>

- Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF). (2019). IMF Staff Country Report. Germany: 2019 Article IV Consultation. Dicapai daripada <https://www.imf.org/en/Publications/CR/Issues/2019/07/09/Germany-2019-Article-IV-Consultation-Press-Release-Staff-Report-and-Statement-by-the-47093>
- Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF). (2019). IMF Staff Country Report. United States: 2019 Article IV Consultation-Press Release; Staff Report. Dicapai daripada <https://www.imf.org/en/Publications/CR/Issues/2019/06/24/United-States-2019-Article-IV-Consultation-Press-Release-Staff-Report-and-Statement-by-the-47019>
- Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF). (2019). Japan's Outlook in Six Charts. Dicapai daripada <https://www.imf.org/en/News/Articles/2019/08/09/na080919-chinas-economic-outlook-in-six-charts>
- Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF). (2019). Korea's Outlook in Six Charts. Dicapai daripada <https://www.imf.org/en/News/Articles/2019/05/16/na052119-koreas-economic-outlook-in-6-charts>
- Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF). (2019). World Economic Outlook, April 2019: Growth Slowdown, Precarious Recovery. Dicapai daripada <https://www.imf.org/~en/media/Files/Publications/WEO/2019/April/English/text.ashx?la=en>
- Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF). (2019). World Economic Outlook, Update July 2019: Still Sluggish Global Growth. Dicapai daripada <https://www.imf.org/en/Publications/WEO/Issues/2019/07/18/WEOupdateJuly2019>
- The Global Economy: Heightened Tensions, Subdued Growth (2019). Dicapai daripada <https://www.worldbank.org/en/news/immersive-story/2019/06/04/the-global-economy-heightened-tensions-subdued-growth>
- The Global Outlook: Weak Momentum, Heightened Risks. (2019). Dicapai daripada <https://blogs.worldbank.org/developmenttalk/global-outlook-weak-momentum-heightened-risks>
- The Guardian - US Economic Growth Slows In Second Quarter As Trade Disputes Take Toll. (2019). Dicapai daripada <https://www.theguardian.com/business/2019/jul/26/us-economic-growth-gdp-second-quarter-2019-growth>
- The National Economic and Social Development Board. (2019). Dicapai daripada https://www.nesdb.go.th/nesdb_en/ewt_dl_link.php?nid=4379&filename=Macroeconomic_Planning
- The Organisation for Economic Co-operation and Development (OECD). (2019). China Economic Snapshot. Dicapai daripada <https://www.oecd.org/economy/china-economic-snapshot/>
- The Organisation for Economic Co-operation and Development (OECD). (2019). Korea Economic Snapshot. Dicapai daripada <http://www.oecd.org/economy/korea-economic-snapshot/>
- The Star : IEA Cuts 2019 Estimate for Oil Demand Growth on Global Economy Worries. (2019). Dicapai daripada <https://www.thestar.com.my/business/business-news>
- The US Census Bureau, Washington: US Department of Census. (2019). Press Release, 13 September 2019: Advance Monthly Sales for Retail and Food Services – August 2019. Dicapai daripada <https://www.census.gov>
- United Nations Conference on Trade and Development (UNCTAD). (2019). World Investment Report 2019. New York.
- World Economic Situation and Prospects. (Dikemaskini pada 21 May 2019). United Nations Publication.
- World Trade Organization (WTO). (2019). Global Trade Growth Loses Momentum as Trade Tensions Persist. Dicapai daripada https://www.wto.org/english/news_e/pres19_e/pr837_e.htm

